



پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.06 SUBUH 5.16 SYURUK 6.36 DUHA 7.00 ZUHUR 12.35 ASAR 3.56 MAGHRIB 6.31 ISYAK 7.43 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 14

31 JANUARI 2024 / 1445 رجب 19

MANISNYA IMAN ایمان

"SESUNGGUHNYA orang-orang yang (benar-benar) beriman itu ialah mereka yang apabila disebut nama Allah gementarlah hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, bertambahlah (kuat) iman mereka dan hanya kepada Tuhan mereka sahajalah mereka bertawakal".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Anfal, ayat 2.

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU PERCUMA

BERKENAN HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Al-Marhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim bersempena dengan pengisytiharan baginda menjadi Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Yang Ke-17. Baginda berserta Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah serta kerabat diraja sentiasa berada dalam keadaan sihat walafiat dan sentiasa dalam pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala jua.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 31 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Al-Marhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim bersempena dengan pengisytiharan baginda menjadi Yang Di-Pertuan Agong

Malaysia Yang Ke-17.

Di dalam titah perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyampaikan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim di atas pengisytiharan baginda menjadi Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Yang Ke-17.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya

menzhirkan kegembiraan terhadap ikatan persaudaraan yang erat dan mesra yang sekian lama terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia serta kerjasama dua hala yang aktif merangkumi pelbagai bidang berkepentingan bersama.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya yakin di bawah kepimpinan baginda, hubungan yang bermakna ini akan terus dipupuk dan diperkuuhkan lagi demi kemanfaatan dan kesejahteraan rakyat kedua-dua buah negara.

Pada mengakhiri titah perutusan tersebut, baginda berserta Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah serta kerabat diraja sentiasa berada dalam keadaan sihat walafiat dan sentiasa dalam pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Kementerian Kesihatan hargai jasa pesara

Oleh : Aimi Sani

BERAKAS, Selasa, 30 Januari. - Seramai 230 pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan yang bersara diraikan pada Majlis Penghargaan Pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya

bagi Tahun 2022 dan 2023 bertempat di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini. Daripada jumlah tersebut, seramai 116 orang telah bersara pada tahun 2022 dan seramai 114 orang pada tahun 2023.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis

seterusnya menyampaikan sijil dan cenderahati kepada para pesara ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

>> Muka 3



f Pelita Brunei @pelitabrunei pelitabrunei

Berita Utama



KAPAL Oceania Riviera tiba ke negara ini

Muka 11



RENCANA

BERI khidmat pendidikan secara infak

Muka 20

NBD, Singapura pupuk hubungan profesional pelancongan

Siaran Akhbar : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

SINGAPURA, Isnin, 29 Januari. – Brunei Tourism meneruskan usaha pemasaran antarabangsanya dengan menganjurkan Sesi Rangkaian bersama Ejen Pelancongan di Singapura.

Acara sehari itu dianjurkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan kerjasama Persatuan Kebangsaan Ejen Pelancongan Singapura (NATAS).

Sesi dihoskan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku Ketua Delegasi.

>> Muka 4

Meningkatkan penguasaan kemahiran penulisan generasi muda

Oleh : Marlinawaty Hussin

BERAKAS, Selasa, 30 Januari. - Dalam usaha untuk memupuk dan menggalakkan

budaya membaca dalam kalangan generasi muda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Sastera dan Majalah mengungkayahkan Perpaduan Menulis

Karangan Majalah Naindung.Mekar.Juara Pelajar DBP 2023.

>> Muka 5

Terus bekerjasama untuk menjaga aspirasi, kepentingan bersama



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Santap Negara bagi meraikan Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam dan isteri, Mrs. Jane Ittogi Shanmugaratnam pada 25 Januari 2024 di Istana Nurul Iman.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Haji Mirazman Haji Othman

TUAN-tuan dan Puan-puan yang dihormati, Duli Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan beta amat mengalu-alukan kedatangan Tuan Yang

Terutama dan Puan dalam Lawatan Negara pertama TYT ke Negara Brunei Darussalam (NBD).

Beta juga ingin mengucapkan tahniah sekali lagi atas pelantikan TYT sebagai Presiden Republik Singapura yang Ke-9.

Beta yakin TYT akan meneruskan

'Kisah Kejayaan Singapura' dalam memimpin masyarakat pelbagai budaya negara ke arah kecemerlangan dan inovasi yang lebih cemerlang pada tahun-tahun akan datang.

NBD dan Singapura berkongsi hubungan yang berakar umbi yang mendahului hubungan diplomatik formal yang terjalil empat dekad lalu.

Ia bermula dengan persahabatan erat pada tahun 60-an antara Al-Marhum ayahanda beta, Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien dan mendiang Perdana Menteri Lee Kuan Yew.

Beta sangat menghargai persahabatan yang mesra dan telus ketika menghadapi cabaran serantau dan banyak persaingan kuasa besar pada masa itu.

Persahabatan yang berkekalan dan visi bersama untuk kedua-dua negara kecil Asia Tenggara untuk bekerjasama telah membawa kepada kerjasama yang kukuh dalam pertukaran mata wang dan hubungan pertahanan yang cemerlang yang terus kita nikmati hari ini.

Beta berbesar hati melihat pemimpin generasi muda kita turut memupuk persahabatan istimewa ini. Beta gembira kerana Timbalan Perdana Menteri Lawrence Wong baru-baru ini mengetuai delegasi Singapura untuk Program Pemimpin Muda, yang tahun ini menandakan tahun ke-10.

Program ini merupakan asas penting untuk memastikan hubungan peribadi yang kukuh dan rapat antara pegawai kedua buah negara yang akan bertahan dengan baik

hingga ke masa hadapan.

Tahun ini, NBD dan Republik Singapura akan meraikan 40 Tahun Persahabatan Diplomatik. Di samping mengingati pencapaian yang telah dikongsi selama bertahun-tahun dan memandang ke arah masa hadapan, adalah penting untuk kedua-dua terus bekerjasama bagi menjaga aspirasi dan kepentingan bersama.

Beta sukacita dengan komitmen bersama kedua-dua buah negara untuk memperdalam lagi hubungan perdagangan dalam makanan, produk perubatan dan tenaga. Selain itu, kita juga terus memupuk program pertukaran rakyat-ke-rakyat yang lebih mantap yang akan mengukuhkan lagi pertalian yang dikongsi antara rakyat.

Di luar hubungan dua hala pula, NBD sentiasa menghargai kerjasama dan sokongan yang diberikan Singapura ke atas negara ini di ASEAN, terutama semasa kita berusaha ke arah Wawasan Komuniti ASEAN 2045 dan dalam mempromosikan keamanan dan kemakmuran serantau.

Hubungan diplomatik antara kedua-dua buah negara yang telah terjalin selama 40 tahun merupakan kesempatan untuk diraikan.

NBD berharap untuk meneruskan hubungan istimewa dan unik dengan Singapura dalam tahun-tahun akan datang.

Akhir sekali, sebagai penutup, Duli Raja Isteri dan beta mengucapkan selamat sejahtera kepada TYT dan Puan dan untuk kemajuan dan kemakmuran rakyat Singapura.

Terima kasih.

WAKTU SEMBAHYANG												
Januari	MASIH	HARI	Rejab	HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	1SYAK
31	RABU	19	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43		
1	KHAMIS	20	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43		
2	JUMAAT	21	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43		
3	SABTU	22	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.32	7.43		
4	AHAD	23	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.32	7.43		
5	ISNIN	24	5.06	5.16	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44		
6	SELASA	25	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44		

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan		
32 25 °C	32 25 °C	31 24 °C
Pekan Bangar		
32 25 °C	32 25 °C	31 24 °C
Pekan Tutong		
32 25 °C	32 25 °C	31 24 °C
Kuala Belait		
32 25 °C	32 25 °C	31 24 °C
Wallahuadlam Bissawab Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG

Manfaatkan sumber dengan bertanggungjawab

ALHAMDULILLAH setiap insan yang berada dan dilahirkan di Negara Brunei Darussalam (NBD) amat bertuah kerana dapat menikmati kemajuan dalam pelbagai bidang kehidupan, seperti bidang pembangunan, pendidikan, pertanian, ekonomi dan sebagainya. Semua yang diberikan ini adalah untuk kemudahan dan keselesaan seluruh rakyat di negara ini.

Sesungguhnya apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ini adalah untuk kepentingan bangsa dan maruah negara agar terbelia dan dihormati. Oleh itu, seharusnya setiap insan yang berada di NBD berusaha untuk mengekalkan segala kebaikan yang ada dan meningkatkan lagi usaha sehingga ke tahap yang lebih tinggi.

Dalam hal ini, kita hendaklah bertanggungjawab ke atas kemajuan dan sumber yang terdapat di NBD ini dengan memanfaatkannya sebaik-baiknya. Hal ini kerana apa yang kitani nikmati ini merupakan anugerah dan kurnia Allah Subhanahu Wata'alaa yang amat bernilai.

Seperti mana yang ditekankan dalam Khutbah Jumaat bertajuk 'Pembangunan Yang Berdaya Tahan' baru-baru ini menjelaskan bahawa manusia yang dijadikan oleh Allah Subhanahu Wata'alaa sebagai khalifah di muka bumi ini hendaklah menanai amanah dan tanggungjawab terhadap bumi ini dengan menggunakan dan memanfaatkan sumber-sumber yang ada dengan cara yang bertanggungjawab. Hal ini kerana Allah Subhanahu Wata'alaa melarang melakukan sebarang kerosakan kepada jiwa, harta benda dan alam sekitar.

Dalam hubungan ini, tanggungjawab merupakan suatu amanah daripada Allah Subhanahu Wata'alaa kepada kita lebih-lebih lagi di zaman yang serba mencabar ini dan mengalami pelbagai perubahan seperti perubahan iklim, pekerjaan, alam sekitar dan sebagainya.

Oleh itu, bagi memastikan pembangunan yang mampan akan terus diamalkan adalah dengan menggunakan produk yang mesra alam dan mengelakkan daripada menggunakan plastik sekali guna serta menjimatkan penggunaan air dan tenaga elektronik dengan mengurangkan penggunaannya mengikut kadar keperluan sahaja.

Di samping itu, antara usaha yang perlu diamalkan bagi mencapai pembangunan yang mampan ialah mendukung perniagaan terutama perniagaan-perniagaan yang mampu mengekalkan pencapaian baik dan mesra alam bagi memajukan ekonomi negara dan ikut serta dalam inisiatif yang bermanfaat seperti kegiatan bergotong-royong membersihkan persekitaran dan penanaman pokok serta mengelakkan pembaziran makanan.

Oleh itu, setiap insan hendaklah sama-sama mengamalkan amalan yang baik dan berkebajikan demi merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Semoga dengan usaha kita semua, bumi dan sumber-sumber yang ada padanya masih dapat dinikmati oleh generasi yang akan datang. Amin Ya Rabbal Alamin. – Ketua Penyuntingan (Rd)

NOTA: AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 | www.pelitabrunel.gov.bn

دربینک اوله جاین فراغن، جاین فردن منtri دان چیق اوله فرین قلس سندیرین برد، نکارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

KEMENTERIAN KESIHATAN HARGAI JASA PESARA


>> Muka 1

Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr.

Ang Swee Hui dalam ucapan alu-aluannya berkata bahawa adapun tujuan majlis ini diadakan adalah untuk menzahirkan

YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penghargaan Pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 2022 dan 2023.

terlibat sama dalam menjaga dan meningkatkan tahap kesejahteraan masyarakat.

"Melalui usaha *biskita*, pembangunan dan pelaksanaan pelbagai inisiatif telah dapat dibuat yang bertujuan untuk meningkatkan perkhidmatan perubatan dan kesihatan, memastikan aksesibiliti kepada rawatan dan mengatasi cabaran-cabaran kesihatan yang semakin kompleks," tambah beliau lagi.

Terdahulu, bagi memberkati majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Guru Ugama Terlatih, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Awang Khairunissa bin Haji Zainin.

Majlis yang diadakan adalah

Oleh : Aimi Sani
Foto : Masri Osman

sebagai tanda penghargaan dan ucapan terima kasih di atas jasa bakti para pegawai dan kakitangan yang telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam bidang tugas masing-masing.

Juga hadir, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Dr. Hajah Anie Haryani binti Haji Abd. Rahman; Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Khalifah bin Pengiran Haji Md. Ismail; ketua-ketua jabatan berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.



penghargaan dan ucapan terima kasih Kementerian Kesihatan kepada seramai 230 orang pesara Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya, di mana 228 orang adalah terdiri daripada pegawai dan kakitangan yang bersara wajib, manakala dua orang yang telah bersara awal.

Daripada jumlah ini ujarnya, seramai 116 orang telah bersara pada tahun 2022 manakala 114 orang bersara pada tahun 2023. Menurut beliau lagi, dalam dunia yang sentiasa berubah ini, peranan para pesara semasa berkhidmat dulu adalah tidak ternilai harganya.

"Apa pun jawatan *biskita* sama ada di bidang kedoktoran, kejururawatan, Profesional Kesihatan Bersekutu (AHP) mahupun pemegang jawatan-jawatan dukungan, semuanya telah

YANG Berhormat Menteri Kesihatan ketika menyampaikan cenderahati kepada salah seorang penerima.



Imbangan perdagangan bagi November 2023 mencapai BND406.9 juta

Siaran Akbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Januari. - Imbangan perdagangan bagi bulan November 2023 telah mencatatkan sebanyak BND406.9 juta.

Jumlah Perdagangan pada bulan November 2023 mencatatkan sebanyak BND2,292.3 juta berbanding BND3,007.2 juta pada bulan Oktober 2023. Ini adalah disumbangkan oleh nilai eksport sebanyak BND1,349.6 juta dan nilai import sebanyak BND942.7 juta.

Eksport pada bulan November 2023 bernilai BND1,349.6 juta yang mana Bahan

Api Galian merupakan penyumbang utama eksport Negara Brunei Darussalam iaitu sebanyak 76.4 peratus, diikuti oleh Bahan Kimia (21.5 peratus), dan Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan (1.1 peratus).

Pasaran eksport utama pada bulan November 2023 adalah Australia (21.6 peratus), diikuti oleh Singapura (18.6 peratus) dan Republik Rakyat China (18.2 peratus). Komoditi eksport terbesar ke negara-negara tersebut adalah Bahan Api Galian dan Bahan Kimia.

Manakala, import pada bulan November 2023 bernilai BND942.7

juta. Lima komoditi import utama adalah Bahan Api Galian (68.6 peratus), diikuti oleh Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan (13.5 peratus), Makanan (6.1 peratus), Barang-Barang Keluaran Kilang (4.6 peratus), dan Pelbagai Barang Keluaran Kilang (3.3 peratus).

Sumbangan terbesar rakan dagangan import adalah dari Malaysia (22.3 peratus), diikuti oleh Kazakhstan (14.0 peratus) dan Qatar (12.5 peratus), dengan Bahan Api Galian sebagai komoditi import terbesar.

Sebanyak 60.6 peratus import adalah digunakan sebagai Barang Perantaraan bagi pemprosesan, diikuti oleh Barang Modal (36.4

peratus) bagi operasi perniagaan dan Barang Penggunaan (3.0 peratus) bagi kegunaan isi rumah.


Sebanyak 93.7 peratus jumlah perdagangan diantar melalui pengangkutan laut. Ini diikuti oleh pengangkutan udara (5.0 peratus) dan melalui darat (1.3 peratus).

Bagi tempoh Januari hingga November 2023, jumlah perdagangan adalah sebanyak BND23,018.6 juta


yang terdiri daripada eksport bernilai BND13,573.9 juta dan import berjumlah BND9,444.7 juta, yang mana mencatatkan imbangan perdagangan sebanyak BND4,129.2 juta.

Laporan Perdagangan Barangan Antarabangsa bagi bulan November 2023 boleh didapati melalui laman sesawang JPES di <https://deps.mofe.gov.bn>.


Peratus Taburan Eksport Mengikut Rakan Dagangan



Import Utama Mengikut Komoditi



Eksport Utama Mengikut Komoditi



MENINGKATKAN PENGUASAAN KEMAHIRAN PENULISAN GENERASI MUDA

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) hadir selaku tetamu kehormat majlis dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang (atas dan atas kanan).

>> Muka 1

Majlis Penyampaian Hadiah bagi para pemenang peraduan tersebut diadakan di Balai Sarmayuda, DBP, Berakas pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, Pemangku Pengarah DBP, Pemangku Timbalan Pengarah DBP, pengarah-pengarah di bawah KKBS, pengetua dan guru besar, guru-guru, para ibu bapa, penulis dan penggiat sastera tanah air.

Johan Peraduan Menulis Karangan Majalah Mekar Kategori 'A' ialah Dayang Nur Ayesha Irdhina binti Mohammad Shahrol Azren@Ameerah Taqiyah dari Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan

tajuk karangan 'Kehidupan Saya Sebagai Seorang Pesakit Thalassemia'. Beliau berjaya membawa pulang hadiah wang tunai BND250, plak, sijil dan majalah Mekar.

Sementara itu, Awang Javien Chong Xian Wen dari Sekolah Saint Andrew menerima hadiah wang tunai BND350, plak, sijil, majalah Juara Pelajar selepas mendapat tempat pertama Peraduan Menulis Karangan Majalah Mekar. Juara Pelajar 2023 Kategori 'B' dengan tajuk karangannya, 'Inisiatif Inisiatif Menjaga Alam Sekitar Sekolah'.

Bagi Kategori 'C' pula, johan disandang oleh Dayang Lim Qi En juga dari Sekolah Saint Andrew dengan tajuk 'Punca-punca Remaja Kurang Melibatkan Diri Dalam Aktiviti Sukarelawan' yang menyaksikan beliau membawa pulang hadiah wang tunai BND400, plak, sijil dan Majalah Juara Pelajar.

Sementara itu, Dayang Nurfarzana Wajihah binti Mohamad Ariffin dari Sekolah Ugama Amar Pahlawan menerima hadiah wang tunai BND150, plak, sijil dan

majalah Naindung selepas karangannya bertajuk 'Abang Saya' memenangi tempat pertama Peraduan Menulis Karangan Majalah Naindung 2023 Kategori 'D'.

Manakala Hadiah Penghargaan Penyertaan Sekolah Terbaik diserahkan kepada Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi Kategori 'A'; Sekolah Saint Andrew, Kategori 'B' dan 'C'; dan Sekolah Ugama Pulaie, Kategori 'D'.

Hadiah Penghargaan bagi Penjualan Majalah Terlaris pula disampaikan kepada Sekolah Rendah Lubok Pulau bagi Majalah Naindung; Sekolah Saint George bagi Majalah Mekar; dan Sekolah Menengah Chung Ching, Seria bagi Majalah Juara Pelajar.

Acara tersebut turut memperlihatkan usaha DBP dalam memperkaya sumber bacaan melalui pelancaran tujuh buah buku terbaru, iaitu tiga buah buku di bawah Semarak Juara berjudul Tinta Remaja, Inspirasi Bijak dan Mengenali Gaya Bahasa dalam Penulisan Kreatif, sementara itu, empat buah buku lain bertajuk Seribu Liku ke Menara Gading, Menelusuri Arus Seni Silat Cakak Asli Brunei, Introspeksi: Bina Keyakinan Diri dan Tik Tik Lor: Titian Patah.

Pelancaran buku-buku terbaru terbitan DBP berkenaan disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis. Buku berjudul 'Menelusuri Arus Seni Silat Cakak Asli Brunei' turut disertakan Kod QR bagi memberikan akses kepada kandungan buku berkenaan secara dalam talian.

Antara lain tujuan peraduan berkenaan diadakan adalah untuk mendekatkan majalah Naindung, Mekar dan Juara Pelajar kepada para pelajar sekolah sebagai bahan bacaan tambahan; membimbing generasi muda membentuk ayat yang kemas, ejaan yang betul, tatabahasa yang tepat dan membentuk idea serta menghuraikan secara objektif dan kreatif; serta menimbulkan minat



dan menggalakkan generasi muda menulis dalam bidang penulisan kreatif dan bukan kreatif.

Bagi Peraduan Menulis Karangan Majalah Naindung, Mekar. Juara Pelajar DBP 2023, pihak urus setia menerima penyertaan keseluruhan sebanyak 388 buah karangan daripada 365 peserta, iaitu 174

buah karangan bagi Kategori A, 108 buah karangan bagi Kategori B, 82 buah karangan bagi Kategori C dan 24 buah karangan bagi Kategori D.

"Alhamdulillah, Peraduan Menulis Karangan yang telah dilaksanakan sejak tahun 1984 ini merupakan salah satu platform pemartabatan bahasa Melayu terutamanya dalam meningkatkan penggunaan bahasa Melayu bagi peringkat kanak-kanak dan remaja," katanya.

Peraduan tersebut merupakan antara usaha jabatan dalam memupuk dan menarik minat penulis untuk berkarya menerusi media sosial dan berinovasi dalam merancakkan industri kreatif 4.0.

Majlis turut diserikan dengan Persembahan Mari Bercerita daripada pelajar Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Md. Khairun Azfar bin Md. Zaiful Rizan, iaitu Juara Pertandingan Mari Bercerita Warisan Brunei 2023.

15 keluarga terima bantuan kewangan



SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Januari. - Seramai 15 orang ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian banjir, kebakaran, angin kencang dan rumah roboh / tidak selamat didiami telah menerima bantuan kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Majlis berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Seramai sembilan keluarga daripada 15 penerima bantuan kewangan adalah mangsa yang terlibat dalam kejadian banjir, satu

keluarga terlibat dalam kejadian kebakaran, dua keluarga terlibat dalam kejadian rumah roboh / tidak selamat untuk didiami dan tiga buah keluarga lagi terlibat dalam kejadian angin kencang. Kesemua mangsa dan penghuni rumah yang terlibat dalam kejadian bencana tersebut dalam keadaan selamat dan tidak mengalami sebarang



Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

kecederaan.

Hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana ialah Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari. Turut hadir, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd.

Salleh.

Pemberian bantuan kewangan ini adalah bagi meringankan kesusahan yang dialami oleh mangsa-mangsa bencana demi kesejahteraan mereka sekeluarga. Usaha tersebut menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.

DEDAHKAN LANDSKAP PENYELIDIKAN DI JERMAN

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Azmah Haji Ahad



NAIB Canselor UBD hadir selaku tetamu kehormat pada seminar bertajuk 'Landscape Penyelidikan di Jerman' di Teater Kuliah Institut Kepimpinan (atas), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada seminar berkenaan.

TUNGKU LINK, Selasa, 30 Januari. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) petang tadi mengadakan seminar

bertajuk 'Landscape Penyelidikan di Jerman' yang berlangsung di Teater Kuliah Institut Kepimpinan, Inovasi



dan Kemajuan (ILIA), universiti berkenaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan yang disampaikan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Gerda Winkler.

Puan Yang Terutama dalam ucapannya menekankan mengenai potensi kerjasama penyelidikan di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Jerman.

Jelasnya Puan Yang Terutama lagi, seminar berkenaan memperkenalkan sejarah inovasi Jerman, bermula daripada perintis teknologi sel bahan api sehingga menyumbang kepada pembangunan salah satu vaksin COVID-19 yang pertama di dunia.

Menyentuh mengenai peranan penyelidikan dan pembangunan dalam mengekalkan ekonomi yang maju, Puan Yang Terutama menjelaskan ia adalah kerana kedudukan Jerman sebagai salah satu pelabur terkemuka dunia dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D).

"Landscape penyelidikan dan teknologi Jerman, dengan kira-kira 400 kluster penyelidikan dan inovasi serta lebih 700,000 kakitangan dalam R&D, menawarkan pelbagai peluang untuk kerjasama.

"Jumlah perbelanjaan lebih €1 bilion (2021) dalam R&D oleh sektor kerajaan dan swasta membentuk 3.1 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Jerman," ujarnya lagi.

Dengan khalayak yang hadir tertumpu kepada sarjana pasca kedoktoran, seminar itu memberikan pandangan

berharga tentang landskap penyelidikan bukan universiti di Jerman, termasuk institusi seperti Max-Planck-Gesellschaft, Fraunhofer-Gesellschaft, Persatuan Helmholtz dan Persatuan Leibniz.

Seminar tersebut bertujuan untuk menggalakkan siswa-siswi dari UBD untuk meneroka peluang kerjasama dengan Jerman, memupuk pemahaman yang lebih mendalam tentang persekitaran penyelidikan yang berkembang maju.

PUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke NBD semasa berucap pada majlis berkenaan.



سوره هنجای قر خدمت عوام



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

TATACARA MENGHADIRI

• UJIAN • TEMU DUGA • URUSAN RASMI

**1 UJIAN ART MASIH PERLU
DISEMAK OLEH PENGAWAL
KESELAMATAN.**



**KESAHIHAN: 3 HARI DARI TARIKH
MEMUATNAIK KE DALAM BRUHEALTH**

**2 TUNJUKKAN KOD
BRUHEALTH DAN ART
KEPADA PENGAWAL
KESELAMATAN BANGUNAN.
HANYA KOD HIJAU, KUNING DAN
MERAH DIBENARKAN MASUK.**



**3 BAGI YANG MEMPUNYAI
KOD UNGU, HENDAKLAH
MENGHUBUNGI PIHAK
URUS SETIA PEJABAT SPA
MELALUI ITALIAN PERHUBUNGAN SPA**



Abdi
Malai: 30.01.2024
PURPLE
COVID-19 Vaccination
2nd Dose:
COVID-19 Test
Compliant

+673 7371961 query@spa.gov.bn

**4 HENDAKLAH MELAPOR
DIRI KEPADA PENGAWAL
KESELAMATAN DI TINGKAT 1
TERLEBIH DAHULU.**



**5 PEMAKAIAN SUNGKUP
MUKA BAGI ORANG RAMAI
YANG DATANG BERURUSAN
KE PEJABAT ADALAH DIGALAKKAN.**



**6 HADIR PADA TARIKH
DAN WAKTU YANG
DITETAPKAN BAGI UJIAN
ATAU TEMU DUGA.**



**7 MESTILAH BERPAKAIAN
KEMAS, SOPAN DAN
MENUTUP AURAT.**



**8 TERUS BEREDAR SETELAH
SELESAI BERURUSAN.**

EXIT

Memperkuuh kerjasama dalam *biodiversity genomics*



MAJLIS Penandatanganan Perjanjian Kerjasama antara UBD dan SingHealth Duke-NUS Institute of BD-MED di National Cancer Centre Singapore.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

SINGAPURA, Selasa, 30 Januari. - Majlis Penandatanganan Perjanjian Kerjasama antara Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan SingHealth Duke-NUS Institute of Biodiversity Medicine (BD-MED), sebuah institut bersama SingHealth dan Sekolah Perubatan Duke-NUS telah diadakan di National Cancer Centre Singapore.

Menandatangani bagi pihak UBD ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle sementara SingHealth diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SingHealth, Profesor Ivy Ng.

Perjanjian kerjasama ini adalah salah satu inisiatif bersama Institut Penyelidikan Biodiversiti dan

Alam Sekitar (IBER) UBD dan BD-MED untuk menujuhan IBER/BD-MED Biodiversity Genomics Joint Laboratory di UBD.

IBER ialah sebuah institut penyelidikan di UBD yang terlibat secara aktif dalam penyelidikan ekologi tropika, pemuliharaan biodiversiti, kajian ekosistem dan penyelidikan gunaan.

BD-MED bertujuan untuk memacu dan mempercepatkan penyelidikan biodiversiti untuk mempromosikan semua aspek kesihatan dan kesejahteraan manusia. Kedua-dua entiti menandatangani Memorandum Persefahaman pada tahun 2022.

Makmal bersama itu akan

mengukuhkan lagi kerjasama sedia ada mengenai *biodiversity genomics* untuk memperoleh hasil yang berkaitan dengan pemuliharaan dan penemuan metabolit.

Sehingga kini, kedua-dua IBER dan BD-MED telah menjalankan tiga kajian *genomics* tumbuhan bersama-sama termasuk kajian mengenai bunga kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) iaitu Bunga Simpur.

Beberapa aktiviti termasuk bengkel *genomics*, latihan makmal dan seminar juga telah dijalankan di IBER dan BD-MED. Penubuhan makmal bersama itu akan membolehkan aktiviti penyelidikan *genomics* lanjutan mengenai flora dan fauna NBD dapat dijalankan di UBD.

Ia juga akan membolehkan latihan dan pembinaan kapasiti untuk penyelidik dan pelajar di kedua-dua institut dijalankan di makmal bersama. Makmal bersama itu juga akan mewujudkan pangkalan data teguh bagi maklumat *genomics*, pemprofilan kimia dan sumber biodiversiti untuk penyelidikan saintifik dan inisiatif pemuliharaan.

Majlis menandatangani perjanjian tersebut juga adalah sebahagian daripada acara pelancaran SGH Bicentennial Genomic Garden, sebuah taman seluas 3,400 meter persegi dalam Kampus Hospital Besar Singapura, yang menempatkan 100 loji tempatan dan serantau jujukan *genomics* dan juga pembukaan Makmal BD-MED.

BERKONGSI AMALAN TERBAIK SEDIAKAN PERKHIDMATAN AWAM BERKUALITI

Siaran Akhbar dan Foto : Institut Perkhidmatan Awam

SINGAPURA, Selasa, 30 Januari. - The 21st Second Echelon Brunei-Singapore Civil Service Exchange Program (CSEP) membuka tirai dengan Majlis Perasmian yang disempurnakan oleh Penolong Ketua Pegawai Eksekutif Antarabangsa, Civil Service College (CSC), Singapura, Roger Tan.

Seramai 11 pegawai kanan dari Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam dan 10 pegawai kanan dari Perkhidmatan Awam Singapura menyertai program tersebut.

Pada majlis tersebut, ketua-ketua delegasi iaitu Timbalan Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali dan Deputy Secretary (Workplaces), Ministry of Manpower, Singapore, Jason Chen telah menyampaikan ucapan alu-aluan masing-masing.

Program CSEP yang diadakan selama empat hari bermula 29 Januari lalu dan akan berakhir pada 2 Februari 2024 ini dihoskan oleh CSC Singapura. Pada tahun ini, beberapa tema akan diterokai seperti 'Governance in a Disruptive Era', 'A Future-Ready Public Service', 'A Sustainable Bersama Masa Depan' dan 'Leading in a Disruptive Era'.

Pelbagai tema yang dipilih memberi peluang kepada perwakilan berkongsi pengalaman dan amalan terbaik mereka sendiri dalam menyediakan Perkhidmatan Awam bagi menghadapi cabaran semasa dan masa depan yang semakin kompleks dan saling berkait rapat dengan seluruh dunia.

Ia juga merangkumi taklimat daripada agensi berkaitan, perbincangan strategik dengan kementerian dan Lawatan Sambil Belajar termasuk melawat Punggol, iaitu sebuah bandar baru dibangunkan yang terletak di Wilayah Timur Laut Singapura yang berpusatkan warganegara dan membolehkan penduduk terlibat dalam pembangunan komuniti baharu mereka.

Program tersebut merupakan anjuran bersama Institut Perkhidmatan Awam (IPA) dan CSC, CSEP telah dijalankan setiap tahun sejak penubuhannya pada tahun 2002 dan telah menyediakan peluang kepada penjawat awam dari kedua-dua buah negara untuk menjalin rangkaian, mempelajari amalan terbaik dan menjalin hubungan yang lebih erat pada peringkat Eselon Kedua. Seterusnya, CSEP Ke-22 akan dihoskan di Negara Brunei Darussalam pada akhir tahun ini.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), JPM hadir pada program berkenaan.



SERAMAI 11 pegawai kanan dari Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam dan 10 pegawai kanan dari Perkhidmatan Awam Singapura menyertai program tersebut.

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

- 1 **Lengkapkan Profil PSCR 2.0** (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
- 2 **Lengkapkan Kelulusan** (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
- 3 **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap** *Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan.
- 4 **Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"**
- 5 **Lengkapkan Maklumat** (kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)

1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2 Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

+673 7371961 PSC.BN query@spa.gov.bn

Menghidupkan budaya bacaan Dikir Brunei

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid

BELAIT, Isnin, 29 Januari. - Dikir Brunei merupakan salah satu khazanah berharga yang telah diwarisi oleh orang-orang Melayu Brunei dan merupakan salah satu kebudayaan beragama yang telah diamalkan dalam kehidupan orang-orang Brunei sejak zaman berzaman.

Dikir Brunei mengandungi selawat dan salam serta kisah kehidupan dan keperibadian yang agung yang dimiliki oleh Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang telah dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan berbagai keistimewaan.

Sudah setentunya sesiapa yang membaca selawat dan salam serta menghayati akan kisah-kisah teragung Baginda akan beroleh pahala, berkat dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala serta mendapat syafaat dari Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Imarah dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Daerah Belait mengadakan Pertandingan Dikir Brunei bagi Pegawai Masjid, Ahli

Jawatankuasa Takmir, Muslimah Masjid dan Jemaah Masjid Berumur 45 Tahun Ke Atas Senegara sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1445H / 2024M.

Sebanyak 16 kumpulan berentap dalam pertandingan tersebut terdiri dari sembilan kumpulan lelaki dan tujuh kumpulan perempuan. Pertandingan diadakan di masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Jabatan Hal Ehwal Masjid berjaya menyandang tempat pertama bagi Kategori Pasukan Lelaki dengan keputusan 95.5 peratus. Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam Kampung Jerudong dengan markah 95.5 peratus meraih tempat kedua dan tempat ketiga disandang oleh Masjid Kampung Sungai Hanching dengan markah 92.5 peratus.

Masjid Kampung Pelambayan pula menjuarai Kategori Pasukan Wanita dengan keputusan 93.5



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya bergambar ramai bersama para pemenang.

peratus, manakala di tempat kedua disandang oleh Masjid Muhammad Jamalul Alam Kuala Belait dengan markah 85.5 peratus dan tempat ketiga dimenangi oleh Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan dengan 83.5 peratus.

Tujuan pertandingan tersebut diadakan adalah untuk menyahut seruan Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir. Di samping untuk meraih keberkatan dan syafaat junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam menerusi bacaan selawat yang terdapat dalam Dikir Brunei, pertandingan berkenaan juga diharap dapat menghidupkan dan meneruskan budaya bacaan Dikir Brunei dalam kalangan masyarakat Brunei.

Selain itu, ia untuk menggalakkan para peserta untuk terus mempelajari dan menguasai lagu-lagu Dikir Brunei agar dapat meningkatkan mutu bacaan dikir yang disampaikan dari segi fasahah, lagu dan suara serta mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan para peserta pertandingan.

SAFETY XR REVOLUSIKAN LATIHAN KESELAMATAN



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Isnin, 29 Januari. - Rumine Corporation, MAED Training dan Young & Smart Technology



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Safety XR.

(YST) hari ini mengadakan Majlis Pelancaran Safety XR, iaitu platform perkhidmatan pendidikan inovatif untuk latihan keselamatan di Ampitheater Tingkat 1, Brunei Innovation Lab, Knowledge Hub, Kampung Anggerek Desa.

Safety XR merupakan projek kerjasama antara Rumine Corporation, MAED Training dan Young & Smart Technology (YST), yang memanfaatkan Realiti Maya (VR), Realiti Augmentasi (AR) dan Realiti Diperluaskan (XR) untuk mensimulasikan bahaya kehidupan nyata dan memberikan pengalaman langsung kepada pengguna dalam

SEMAI RASA PATRIOTIK DALAM DIRI PENUNTUT



PROGRAM Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' telah diadakan di Sekolah Menengah Berakas dan seramai 113 penuntut Tahun 7 menghadiri taklimat berkenaan.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Januari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' bagi Sekolah Menengah Berakas.

Taklimat yang berlangsung di dewan sekolah berkenaan itu telah dihadiri oleh seramai 113 penuntut Tahun 7.

Turut hadir, Pengetua Sekolah, Awang Alexandar bin Bandang, dan para tenaga pengajar sekolah

tersebut. Taklimat disampaikan oleh Ketua Seksyen Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim, yang antara lain mengenai raja, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'.

Para penuntut juga menyaksikan klip video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara' dan 'Semarak Pengibaran Bendera'.

Selain itu, para penuntut juga berpeluang menyertai kuiz

kenegaraan dan menerima hadiah-hadiah sumbangan Jabatan Penerangan yang disampaikan oleh Pengetua Sekolah berkenaan.

Program merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara.

Ia juga diharapkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.

Memupuk semangat profesionalisme industri pembinaan

Siaran Akhbar dan Infografik : Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Januari. - Dalam usaha berterusan untuk memberikan kefahaman mengenai perkhidmatan berkaitan kawalan kemajuan dan industri Pembinaan amnya, Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi), Kementerian Pembangunan mengadakan Program Build Brunei Talk Series sebagai siri pertama bagi Tahun 2024 bermula pada hari ini, 29 Januari 2024 selama empat hari bertempat di Dewan Indera Pahlawan, ABCi dari jam 8.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari, yang dibuka kepada orang ramai dan pihak-pihak industri pembinaan.

Program tersebut memberikan peluang kepada agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang terlibat sama dalam proses pembinaan mahupun terlibat dalam industri pembinaan untuk membentangkan keperluan-keperluan permohonan mahupun isu-isu semasa yang dihadapi oleh orang ramai, pemilik perniagaan mahupun syarikat-syarikat berkepentingan industri pembinaan.

Ia juga diharaskan dapat mengeratkan kerjasama antara agensi kerajaan dan *industry players* serta memupuk semangat kerjasama, profesionalisme dan muhibah di kalangan industri pembinaan. Antara lain tema yang akan dibentangkan ialah isu-isu dalam merancang untuk membina rumah atau bangunan, keperluan-keperluan pembinaan dan juga keselamatan semasa pembinaan.

Orang ramai juga boleh mendapatkan pencerahan mengenai maklumat proses permohonan yang diperlukan seperti kebenaran kemajuan, Kesiapan Kemajuan (OP) dan pendaftaran Lesen Pembina. Maklumat lanjut mengenai program berkenaan boleh didapat melalui Instagram rasmi Autoriti di @abcibrunei atau laman sesawang rasmi www.abcibrunei.bn.



membina rumah baru?
kan menambah rumah?
membuka kadai? pasang iklan?
kan mohon lesen pembina?



Datang tah ke

BUILD BRUNEI TALK SERIES!

29 Januari 2024 – 1 Februari 2024

8 pagi hingga 12 tengahhari

Dewan Indera Pahlawan, Bangunan ABCi

JADUAL TAKLIMAT

29 JANUARI
2024

- Keperluan Kebenaran Perancangan
- Perumahan dan Pengubahsuai
- Kebenaran Kemajuan dan Pematuhan

30 JANUARI
2024

- Keselamatan semasa membina
- Dimana salahnya.. - Dapatkan pengawasan penguatkuasa

31 JANUARI
2024

- Pendaftaran Lesen Pembina dan Kontraktor
- Bicara bersama Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei (DPPMB)
- Sustainable Products by local suppliers/contractors

1 FEBRUARI
2024

- Jika berlaku tanah susur...
- Pemasangan landline / infrastruktur telekomunikasi

Daftar sekarang



@abcibrunei

@abcibrunei.customerservice@mod.gov.bn

8140 365 (mesej Whatsapp sahaja)


IRSYAD HUKUM
 جایز مفتی کل جان
 حاکم مفتی کل جان
 Jabatan Mufti Kerajaan
 Jabatan Perdana Menteri
 Negara Brunei Darussalam
 Website : www.mufti.gov.bn
 E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

MENGELUARKAN zakat dan membayar hutang merupakan suatu tuntutan syara' ke atas orang-orang yang berkewajipan melaksanakannya. Kewajipan mengeluarkan zakat itu disebut dengan jelas dalam firman Allah Ta'alā:

Tafsirnya: *Dan dirikanlah sembahyang dan bayarlah zakat serta ruku'lah bersama orang-orang yang ruku'.*

(Surah al-Baqarah: 43)

Orang yang tidak mahu mengeluarkan zakat dalam keadaan dia memenuhi syarat wajib zakat akan mendapat azab yang pedih di akhirat kelak sebagaimana firman Allah Ta'alā :

Tafsirnya: *Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak (yang tidak dikeluarkan zakatnya) dan tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka gembirakanlah mereka dengan azab yang pedih. (laitu) pada hari dibakar emas dan perak serta harta-benda itu dalam neraka Jahannam, lalu diseterika (dibakar) dengannya dahi mereka dan rusuk mereka serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): "Inilah apa yang kamu telah simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasailah (balasan azab daripada) apa yang kamu simpan (dengan tidak mengeluarkan zakatnya) itu."*

(Surah at-Taubah: 34-35)

Kewajipan membayar hutang pula dapat difahami dari hadits yang menjelaskan tentang orang yang tidak membayar hutang itu adalah suatu kezaliman sebagaimana hadits riwayat daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu, sabda Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam:

Mengeluarkan Zakat Atau Membayar Hutang : Apa Yang Didahulukan?

Maksudnya: Senghaja melengah-lengahkan pembayaran hutang oleh orang yang mempunyai kemampuan adalah suatu kezaliman.

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Dalam hadits yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya: Roh seseorang mukmin itu tergantung-gantung (dihalang daripada tempatnya yang mulia) dengan sebab hutangnya sehingga dilunaskan daripadanya.

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Larangan berhutang ada disebut dalam sebuah hadits mauqif daripada 'Umar bin al-Khattab Radhiallahu 'anhu, beliau berkata:

Maksudnya: Dan jauhkanlah diri kamu dari hutang, kerana sesungguhnya (hutang itu) awalnya adalah dukacita dan akhirnya pula mengambil harta orang dengan tiada mengembalikannya.

(Hadis riwayat Malik)

Berdasarkan hadits di atas, perbuatan berhutang itu adalah suatu yang akan menyusahkan penghutang di dunia. Dalam hadits yang lain, kegagalan membayar hutang juga akan mengheret penghutang kepada kesusahan yang tidak terpergi di akhirat kelak sekiranya dia meninggal dunia sebelum sempat melunaskan hutangnya. Demikian dijelaskan dalam sebuah hadits yang menjelaskan bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam enggan menyembahyangkan jenazah yang masih menanggung hutang. Terdapat juga beberapa ancaman terhadap orang yang mengabaikan kewajipan membayar hutang sedangkan dia mampu melunaskannya. Antara ancaman tersebut ialah dosanya tidak diampunkan walaupun dia mati syahid ketika berjihad pada jalan Allah Ta'alā. Selain itu, pahala amal kebajikan yang dilakukan oleh penghutang akan diambil dan diberikan kepada pembiutang sebagai tukaran kepada kezaliman yang dilakukannya iaitu tidak melunaskan hutang ketika di dunia, bahkan dosa pembiutang akan ditanggungkan kepada penghutang sekiranya pahala amal kebajikan penghutang tidak mencukupi.

Menyentuh tentang kewajipan mengeluarkan zakat dan membayar hutang ini, timbul persoalan jika seseorang

yang wajib ke atasnya menunaikan kedua-dua perkara di atas sedangkan hartanya yang ada ketika dia hendak melaksanakan kewajipan itu hanya mencukupi untuk membayar salah satu daripadanya sahaja, yang mana satukah antara keduanya yang wajib dilaksanakannya terlebih dahulu?

Bagi orang yang meninggal dunia, jika tertanggung ke atasnya kewajipan mengeluarkan zakat dan membayar hutang kepada manusia dan harta pusaka si mati itu pula tidak mencukupi untuk dibayarkan bagi kedua-duanya sekaligus, maka menurut Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya *Nihayah al-Muhtaj*, hendaklah didahulukan hak Allah Ta'alā iaitu dengan mengeluarkan zakat, sebagaimana katanya:

Ertinya: Sekiranya berhimpun (kewajipan membayar) zakat dan (kewajipan membayar) hutang kepada manusia dalam harta pusaka dan (harta pusaka itu) sempit (tidak cukup) untuk melunaskan apa yang (tertanggung) ke atasnya, (hendaklah) ia didahulukan iaitu zakat sekalipun zakat fitrah daripada membayar hutang.

Menurut Imam asy-Syibratmallisi *Rahimahullah*, bagi orang yang meninggal dunia, hendaklah didahulukan mengeluarkan zakat daripada membayar hutang kepada manusia sekalipun si mati itu adalah *mahjur 'alaih* (orang yang ditegah mengurus hartanya).

Kewajipan mengeluarkan zakat itu didahulukan kerana mengeluarkan zakat merupakan pelaksanaan hak yang dituntut oleh Allah Ta'alā. Ini termasuk menunaikan hak-hak Allah Ta'alā yang lain seperti membayar kafarah, menunaikan haji dan nazar. Perkara ini ada disebut oleh Imam Zakariyya al-Anshari *Rahimahullah* dalam kitabnya *Asna al-Mathlib Syarh Rawdh at-Thalib*, katanya:

Ertinya: *Dan (dalam menunaikan) hak-hak Allah Ta'alā seperti zakat sekalipun terikat dengan dzimmah seperti harta rosak (hilang) selepas kewajipannya (zakat) dan kebolehlaksanaan (mengeluarkannya), kemudian dia meninggal dunia dan dia mempunyai harta dan (juga seperti) kafarah, haji, nazar dan dam berburu (ketika ihram), jika berhimpun (kewajipan-kewajipan ini) bersama (kewajipan membayar) hutang kepada manusia pada harta*

pusaka, (hendaklah) didahulukan (hak-hak Allah Ta'alā) daripada hutang tersebut.

Mendahulukan mengeluarkan zakat daripada membayar hutang dalam keadaan di atas juga disandarkan kepada hadits yang diriwayatkan daripada Ibn 'Abbas Radhiallahu 'anhum, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya: *Maka hutang kepada Allah itu lebih berhak untuk ditunaikan.*

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Bagi orang hidup pula, jika tertanggung ke atasnya kewajipan mengeluarkan zakat dan membayar hutang kepada manusia dan harta yang dimilikinya itu pula tidak mencukupi untuk dibayarkan bagi kedua-duanya sekaligus, maka menurut Imam Zakariyya al-Anshari dan Imam ar-Ramli *Rahimahumallah*, hendaklah didahulukan hak Allah Ta'alā iaitu dengan mengeluarkan zakat.

Walau bagaimanapun, sekiranya orang tersebut adalah *mahjur 'alaih* (orang yang ditegah mengurus hartanya), hendaklah didahulukan membayar hutang kepada manusia daripada mengeluarkan zakat. Imam ar-Ramli *Rahimahullah* menyebut:

Ertinya: *Jika berhimpun pada orang yang hidup (kewajipan mengeluarkan zakat dan kewajipan membayar hutang) dan hartanya sempit (tidak cukup untuk melunaskan) kedua-duanya, maka sekiranya dia adalah orang yang ditegah daripada mengurus hartanya, (hendaklah) didahulukan hak manusia (membayar hutang), dan jika tidak (dilarang mengurus), hendaklah didahulukan mengeluarkan zakat.*

Walau bagaimanapun, mendahulukan pembayaran hutang kepada manusia daripada pengeluaran zakat bagi orang hidup yang dilarang mengurus hartanya adalah bagi zakat yang bukan *'ain* (benda) iaitu zakat perniagaan kerana zakat perniagaan dikeluarkan daripada nilai barang jualan. Sekiranya ia adalah zakat *'ain* seperti unta, kambing, dan kerbau, maka didahulukan pengeluaran zakat daripada hutang kepada manusia.

Demikian penjelasan mengenai persoalan mendahulukan pengeluaran zakat atau pembayaran hutang kepada manusia.

itu. Manakala doanya juga akan diaminkan oleh malaikat malah Malaikat juga turut mendoakan doa yang sama.

Antara kelebihan mendoakan orang lain ialah :

- Mendapat ganjaran pahala.
- Isi doa yang dipanjangkan untuk orang lain, manfaatnya akan berbalik kepada diri sendiri.

• Malaikat juga turut mendoakan doa yang sama. Hakikatnya didoakan oleh para malaikat itu adalah hal yang istimewa.

Marilah sama-sama kita berdoa untuk saudara sesama Islam dalam setiap doa yang kita panjatkan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan ikhlas dan sebanyak yang kita boleh. Doa memiliki kuasa dan kelebihannya yang tersendiri dan Allah Subhanahu Wata'ala pasti akan mengabulkan setiap permintaan hamba-Nya dengan cara yang berlainan. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memakbulkan setiap doa kita serta menggolongkan kita daripada kalangan hamba-Nya yang menerima taufik dan hidayah-Nya juga.

منجو كريضاعن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كل لأن قوسة دعوه اسلاميه

ALLAH Subhanahu Wata'ala sangat suka hamba-hamba-Nya yang berdoa kepada-Nya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 186 yang mafhumnya : "Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu (wahai Nabi Muhammad) mengenai Aku maka (katakan kepada mereka) : "Sesungguhnya Aku sentiasa hampir (kepada mereka). Aku memperkenankan permohonan orang-orang yang berdoa apabila dia berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka itu menyahut seruan-Ku (dengan mematuhi perintah-Ku) dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka sentiasa berada dalam kebenaran".

Doa merupakan bentuk alat komunikasi

Doa yang mustajab

mendapatkan seperti itu".

Kita adalah dituntut untuk mendoakan perkara-perkara yang membawa kepada kebaikan dan bermanfaat sebagai contoh, mendoakan sahabat yang sedang dilanda musibah, mendoakan jiran yang sedang sakit supaya cepat sembuh dan mendoakan perlindungan dan kesejahteraan untuk semua umat Islam. Kita juga dilarang mendoakan sesuatu yang buruk mahupun yang terlarang, memudaratkan dan membinasakan orang lain meskipun mereka berbuat zhalim kepada kita.

Setiap doa seorang hamba tanpa pengetahuan saudaranya iaitu doa yang hanya diketahui oleh orang yang berdoa sahaja adalah mustajab di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Sudah pasti doa dalam diam ini lebih ikhlas tanpa mengharap imbalan apa pun dari orang yang didoakannya dan sudah memadai antara dirinya sendiri dan Allah sahaja yang mengetahui tentang doa

KAPAL OCEANIA RIVIERA TIBA KE NEGARA INI



KETIBAAN kapal pelayaran pertama tahun ini iaitu Oceania Riviera, yang juga merupakan pelayaran pertama kapal berkenaan pada tahun ini (atas, kanan dan bawah kanan).

MUARA, Selasa, 30 Januari.

- Negara Brunei Darussalam mengekalkan momentumnya dalam pelancongan pelayaran dengan ketibaan kapal pelayaran pertama tahun ini iaitu Oceania Riviera, yang juga merupakan pelayaran pertama kapal berkenaan pada tahun ini.

Sejak pemulihian pelancongan pelayaran pada tahun lalu, Negara Brunei Darussalam terus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi yang semakin menonjol di dunia di dalam peta pelayaran.

Oceania Riviera, berasal dari Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu (UAE), singgah di negara ini dengan membawa jumlah anggaran jumlah

seramai 1,200 penumpang.

Setelah kapal berlabuh, para penumpang dialu-alukan dengan kemeriahan pukulan hadrah dan berpeluang mengambil gambar bersama mereka yang memakai pakaian tradisional, yang terlibat di dalam membuat persembahan selamat datang.

Antara yang mengalau-alukan ketibaan para pelancong adalah merupakan pelbagai vendor, seperti Kommunihub, AZ Back to Nature, Koleksi Husna, Aewon dan Kingdom Rides serta banyak lagi.

Kesemua vendor tersebut menyediakan para pelancong peluang untuk mendapatkan cenderamata tradisional Brunei

selain memulakan pengembalaan dan pakej penerokaan untuk menerokai beberapa tempat-tempat ikonik negara.

Para penumpang kapal berpeluang untuk menyertai pakej pelancongan untuk membuat lawatan ke beberapa mercu tanda yang terkenal seperti Muzium Alat Kebesaran Diraja; Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah; Masjid Omar 'Ali Saifuddien; Istana Nurul Iman dan Kampong Ayer.

Sepanjang penginapan mereka di negara ini, mereka juga tidak melepaskan peluang dalam menerokai pelbagai pilihan makanan tempatan dan minuman serta mendapatkan cenderamata tradisional Brunei untuk dibawa pulang.

Menurut salah seorang pelancong yang telah kembali daripada sesi lawatan iaitu Maria Hastings dari California, Amerika Syarikat menyatakan, kedua-dua masjid yang ikonik telah dikunjungi termasuk Istana Nurul Iman, adalah merupakan memori yang sangat indah dan yang membuat beliau begitu kagum adalah struktur seni binanya yang megah.

Negara Brunei Darussalam seterusnya akan menjangkakan ketibaan sebanyak lima kapal pelayaran tambahan pada tahun ini.

Kapal persiaran yang akan datang, Jewel Norway, dijadualkan untuk lawatan kembali ke negara ini dan dijangka untuk berlabuh di perairan Brunei pada 22 Februari 2024.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



MINDA PEMBACA

Mencapai azam Tahun Baharu

SETIAP kali Tahun Baharu bakal menjelang, seseorang itu pasti memiliki azam yang tersendiri dan berharap agar azamnya itu dapat dicapai. Namun, untuk mencapai azam Tahun Baharu tidaklah semudah itu. Ia perlu ada kesungguhan, usaha dan tindakan. Jika tidak, azam tidak akan dapat dicapai.

Kebanyakan orang berazam ingin berjaya. Antaranya, ingin berjaya menamatkan pengajian dengan keputusan yang cemerlang, berjaya mendapat kerjaya yang lebih baik, berjaya dalam menghasilkan karya dan sebagainya. Dengan itu, seseorang itu mestilah berusaha, tetapi

matlamat, niat yang jelas dan membuat perancangan. Misalnya, jika ingin cemerlang dalam peperiksaan mestilah rajin belajar bersungguh-sungguh serta tetapkan matlamat dan niat yang jelas agar bersemangat dan tidak bertangguh-tangguh dalam mencapai apa yang dihasratkan.

Sementara itu, azam yang perlu ada pada setiap diri seseorang Muslim adalah berazam mengubah diri menjadi lebih baik. Untuk mencapai azam ini, hendaklah berusaha mengubah diri dari segi rohani dan jasmani, sentiasa perbaiki kelemahan dan kekurangan diri, menjaga iman dan kesihatan diri. Begitu juga dengan niat. Niatkanlah

berubah kerana Allah agar terus tabah dan istiqamah dalam kebaikan.

Jelaslah bahawa azam itu akan dapat dicapai bagi mereka yang rajin berusaha dan tidak mudah putus asa. Sebab itu, berusahalah. Kerana usaha adalah tanda kejayaan dan untuk mendapatkan kunci kejayaan adalah dengan mengerjakan solat. Perlu ketahui, berazam itu adalah untuk kebaikan diri kita juga, untuk agama, negara dan untuk masa depan kita. Yang mana, dengan keazaman dapat menjadikan diri kita berdisiplin, dapat memotivasi diri dan menjadikan kita Muslim yang sejati, rajin berusaha dan mahukan berjaya. Maka, berazamlah

apa yang dapat dicapai oleh diri sendiri, tetapkan matlamat dan jangan banyak bertangguh dalam mencapai apa yang diinginkan, lakukanlah sekarang kerana masa akan terus berjalan.

Akhir kata, azam Tahun Baharu perlu dicapai walau cepat atau lambat yang penting usaha. Jadi, capailah azam itu dengan irungan doa, usaha, ikhtiar dan tawakal kepada Allah. InsyaaAllah, azam Tahun Baharu akan dapat dicapai.

Nama: Aina Qistina binti Rosidi
No.K/P: 01-120XXX

Serahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Jangan Leka Dengan Jenayah Penipuan Kewangan'. Tarikh Tutup : 31 Januari 2024
2. 'Mengukuhkan Semangat Patriotisme'. Tarikh Tutup : 7 Februari 2024
3. 'Lakukan Perubahan Dalam Mencegah, Merawat Kanser'. Tarikh Tutup : 14 Februari 2024

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :
SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

دعا ممohen كقد الله سقايي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنیس چاکیت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝.

تَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ آسِمَهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْقُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبِّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ حَيْرُ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ

اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ آسِمَهِ دَاءَ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا بِنَاهِيَةِ
آخِتَنَّا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَيْرَوتِ.

وَاعْتَصَمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلَنَا عَلَى الْحَمِيَّ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ أَبْلَاءَ وَأَلْوَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاعُونَ وَسَائِرِ الْأَمْرَاضِ
وَقَنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkusa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَقُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُنَا
سِنَةً وَلَا نَوْمًا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا
فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ
إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسَعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَتُوَدُّ
حَفْظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ٦٥٥

Peringatan :
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat ini (70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَبَعَّلَ بِهِ الْعَقْدُ، وَتَنْفَرَجَ بِهِ الْكُرْبُ، وَتَنْفَضَّ بِهِ
الْخَوَاجَعُ، وَتَنَالَ بِهِ الْرَغَائِبُ وَخُسْنُ الْحَوَائِمِ، وَتُسْتَسْقَى
الْعَغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفَسٍ بَعْدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapaihlah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، حَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنَعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،
فَاغْفِرْ لِي فِيَّهُ لَا يَغْفِرُ الْذُنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذَكْرُ بِچاءِنْ يَعْمَلُوا كَبَرًا وَنَتوَعْنُ سَاعَتَ بَسْرَ كَثْدُ قَعْمَلَنْ (تَولُقْ بَلَاءَ)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَلَا حُوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(3)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(2)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَمِّيْ يَا قَيْوُمُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(5)

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapat enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

(4)

Kenyataan Tawaran

Bilangan Tawaran:
06 / SEPTEMBER / 2023 / KKBS /
HSSE / SECURITY / PKBN

Tajuk Tawaran:
Membekalkan Perkhidmatan
Kawalan Keselamatan Bagi
Tempoh Dua Puluh Empat (24)
Bulan Untuk Bangunan Kompleks
Kem Latihan Program Khidmat
Bakti Negara, Kampong Batu Apoi,
Daerah Temburong, Kementerian
Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam

Bayaran Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
20 Februari 2024,
Jam 2.00 Petang

**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
IV, V & VI

Kategori :
B01, KA01 - KOD BARU

Bilangan Tawaran :
JKR / DTS / 02 / CQS /
2024 – T / V

Nama Projek :
Pembinaan Masjid Baharu
Kampong Lamunin, Daerah Tutong
(Retender)

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
26 Mac 2024.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas :
II (II & III) Sahaja

Kategori :
KA01 Sahaja – Kod Baharu

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
27 Mac 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran :
JKR / DDS 002 / 2024 – (CDE).T.II

Nama Projek:
Kerja-Kerja Perlindungan Sungai
Di Jalan Tanah Jambu 2

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA**

Pemberitahuan Tawaran

1. Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga :

KHEU / JPI / JKS / PPPB /
11A-4 / 2023-2024
Perkhidmatan Pengurusan
Dan Pembersihan Bangunan
(Housekeeping) Tempoh 2 Tahun
Bagi Sekolah Ugama Pengiran
Anak Puteri Muta-Wakkilah
Hayatul Bolkiah, Serusop

2. Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga :

KHEU / JPI / JKS / PPPB / 1V-1 /
2023-2024
Perkhidmatan Pengurusan
Dan Pembersihan Bangunan
(Housekeeping) Tempoh 2 Tahun
Bagi Sekolah Ugama Pengiran
Anak Puteri Amal Umi Kalthum
Al-Islam, Mulaut Di Bawah
Kawalan Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam Tahun
1444H-1445H / 2023-2024M

Tarikh Tutup Sebut Harga :

Rabu,
26 Rejab 1445H /
7 Februari 2024M,
tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Jabatan Belia Dan Sukan**

1. Bilangan Tawaran :
(15) JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan :
Repair Works to Water Sprinkler
and Pump at Hockey Stadium,
HBNSC, Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND10.00

2. Bilangan Tawaran :
(16) JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan :
Mechanical and Electrical Term
Maintenance for A Period of
Twenty Four (24) months For:
1) Hockey Stadium, HBNSC
2) Ong Sum Ping Field

Yuran Tawaran:
BND 10.00

3Bilangan Tawaran :
(17) JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan :
Mechanical and Electrical Term
Maintenance for A Period of
Twenty-Four (24) Months for
National Swimming Pool, HBNSC

Yuran Tawaran:
10.00

Bilangan Tawaran :
(18) JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan :
Mechanical and Electrical Term
Maintenance for A Period of
Twenty-Four (24) Months for
Stadium Negara Hassanal Bolkiah

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran :
(19) JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan :
Kontrak Bagi Perkhidmatan
Penyediaan, Pembekalan Dan
Penghantaran Makan / Minum
Berkonseptan Individually Packed
Meals and Drinks Bagi 9 Orang
Atlet Berpotensi Di Bawah Program
Elit Kecemerlangan Kendalian
Jabatan Belia Dan Sukan [JBS]

Yuran Tawaran:
BND10.00

Taikh Tutup :
Khamis,
15 Februari 2024

**KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

**Jabatan Penerangan Awam
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Negara Brunei Darussalam**

Tajuk dan Bilangan Tawaran:

1. Project Enhancing Flight
Information Display System:
Upgrading Uninterruptible Power
Supply And Advanced Maxcs
Workstations For Strengthening
Reliability And Operational
Efficiency For Department Of
Civil Aviation At Brunei
International Airport
**TERMINAL / 2023-2024 /
SH-06(R)**


2. Improving Flight Information
Display System (FIDS) Reliability:
Health Check Project With Conrac
GmbH's Expertise For Department

**Civil Aviation Brunei
International Airport
TERMINAL / 2023-2024 /
SH-07(R)**

**Tarikh iklan / mengambil
dokumen Sebut Harga :**
Rabu
31 Januari 2024

**Tarikh terakhir mengambil
dokumen Sebut Harga :**
Selasa
30 Januari 2024

Tarikh tutup Sebut Harga:
Rabu
14 Februari 2024
(tidak lewat jam 2.00 Petang)

**Dan Kerusi Bagi Kegunaan Kafe
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA) Kampus Gadong**

UNISSA / SB0075 / 2023 / 2024 -
To Supply, Delivery, Installation,
Configuration, Testing And
Commissioning Network Point
And Fiber Cabling For Sinaut
Tutong Campus Universiti Islam
Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Yuran Tawaran :
BND10.00

Tidak Dikembalikan

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
14 Februari 2024,
Jam 2.00 Petang



UNISSA / SB0072 / 2023 / 2024 -
Membekal Dan Menghantar
Smart Solar Fish Dryer Bagi
Kegunaan Penyelidikan UNISSA
– “Evaluating Fermented Coffee
Waste With Water Spinach As A
Sustainable Protein Supplement
For The Culture Of Tilapia,
Oreochromis Species”

UNISSA / SB0073 / 2023 / 2024 -
Membekal Dan Menghantar
Perabot Kelengkapan Forum,
Bengkel Dan Seminar Bagi
Kegunaan Universiti Islam
Sultan Sharif Ali (UNISSA)
Kampus Sinaut

UNISSA / SB0074 / 2023 / 2024 -
Membekal Dan Menghantar Meja



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas :
II & III sahaja

Kategori :
E01 (kod baharu)

1. Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 001 / 2024

Nama Projek :
Kontrak Penggal Bagi Kerja
Operasi Dan Pemeliharaan Loji
Rawatan Air Agis-Agis Sungai
Liang, Stesen Pam Air Mentah
Badas Stage 5 Dan Empangan
Kago Di Daerah Belait Untuk 24
Bulan

No. Projek :
2023ADKB / B00411 / 002-002-06

2. Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 002 / 2024

Nama Projek :
Membekal Dan Memasang Kabel
Utama Dari Janakuasa Siap Sedia
Ke papan suis Elektrik Utama
Dan Membalik pulih Janakuasa Di
Stesen Pam Air Mentah Badas
Stage 5, Daerah Belait

No. Projek :
2023ADKB / B00411 / 002-002-07

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan).

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 6 Februari 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran :
KK / 16 / 2024 / JPK (TC)

Keterangan :
Clinical / Biohazard Waste
Collection, Transportation And
Incineration Services For Health
Centre And Clinic At Tutong
District, Department Of Health
Services For A Period Of
Three (3) Years

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 17 / 2024 / JPK (TC)

Keterangan :
Clinical / Biohazard Waste
Collection, Transportation And
Incineration Services For Health
Centre And Clinic At Brunei Muara
District, Department Of Health
Services For A Period Of
Three (3) Years

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 18 / 2024 / PHARM

Keterangan :
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department Of
Pharmaceutical Services
Ministry Of Health

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 21 / 2024 / LAB (TC)

Keterangan :
To Supply And Deliver Urine
Pregnancy Test Kits For Point Of
Care Testing Section, Department
Of Laboratory Services, Ministry Of
Health For A Period Of
Five (5) Years Usage

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 22 / 2024 / ESTETMOH

Keterangan :



Tajuk dan Bilangan Tawaran :

The Provision Of
Six (6) Months Airport Networking
System Maintenance And Support
Services Contract For
Terminal Building At
Brunei International Airport
TERMINAL / 2023-2024 / SH-11

Tarikh iklan / mengambil

dokumen Sebut Harga :
Rabu
31 Januari 2024

Tarikh terakhir mengambil

dokumen Sebut Harga:
Selasa
13 Februari 2024

Tarikh tutup Sebut Harga:

Rabu
14 Februari 2024
(tidak lewat jam 2.00 Petang)



Yuran Tawaran :
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
14 Februari 2024
jam 2.00 Petang.



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK**
kurang dari empat (4) minggu dan
Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU**
SAHAJA.

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGKAN
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



**PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran :
PPN / ASSET / BUUMM /
CONTRACT / 2024 / 1 / 4

Tajuk Tawaran :
Provision Of
Security Guard Services
For Law And Court Building,
Attorney General's Chambers,
Jalan Raja Isteri
Pengiran Anak Saleha,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam'

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
6 Februari 2024
Tidak lewat
Jam 2.00 Petang



PENJUALAN UBAT TIDAK BERDAFTAR DIAMBIL TINDAKAN

Siaran Akbar dan Foto :
Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Januari. - Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Farmasi telah berjaya mengambil tindakan terhadap seorang individu yang terlibat dalam penjualan ubat termasuk pil pengguguran yang tidak berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Ubat, Negara Brunei Darussalam.

Sebuah operasi bersepada telah dijalankan bersama Jabatan Kastam dan Eksais Diraja pada bulan lalu selepas menerima maklumat daripada orang awam mengenai penjualan produk ubat di platform media sosial termasuk TikTok.

Suspek telah dipintas ketika sedang menjalankan penjualan kepada pelanggannya di sebuah pusat membeli-belah.

Pegawai penguatkuasa kemudian

meneruskan pemeriksaan ke atas rumah suspek dan hasil operasi tersebut telah berjaya merampas sebanyak lapan jenis produk ubat.

Operasi juga mendapat suspek tersebut tidak mempunyai lesen untuk mengimport ubat-ubatan di bawah Perintah Ubat, 2007 dan denda kompaun sebanyak BND2,000 telah dikeluarkan kepada pesalah tersebut.

Pengambilan pil pengguguran tanpa pengawasan dan pemantauan pengamal perubatan bertauliah boleh memberi implikasi kepada kesihatan seperti rahim terkoyak (*uterine rupture*), pendarahan tidak normal dan jangkitan kuman serta boleh membawa maut sekiranya tidak dirawat.

Penjualan produk ubat-ubatan yang tidak berdaftar dan tanpa lesen atau kebenaran dari Kementerian Kesihatan adalah melanggar Bab 10, Perintah Ubat, 2007.

Individu yang didapati bersalah

boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi dari BND5,000 atau dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan orang ramai untuk sentiasa berwaspada apabila membeli produk kesihatan dengan iklan dan promosi yang berlebihan di laman media sosial yang tidak diketahui kesahihannya.

Orang ramai juga hendaklah memastikan bahawa produk-produk tersebut adalah mempunyai kebenaran dan kelulusan dari pihak-pihak yang berwajib di negara ini.

Dalam usaha Kementerian Kesihatan melindungi kesihatan dan kesejahteraan orang awam melalui pemantauan dan aktiviti penguatkuasaan secara berterusan, orang ramai adalah digalakkan untuk membuat aduan dan memberikan maklumat



PENJUALAN ubat termasuk pil pengguguran yang tidak berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Ubat, Negara Brunei Darussalam.

mengenai penjualan produk-produk yang di bawah Kawalan Jabatan Perkhidmatan Farmasi yang disyaki melanggar Perintah Ubat, 2007 dan peraturan-peraturan yang berkenaan kepada Bahagian Komplians dan Perlesenan, Jabatan Perkhidmatan Farmasi melalui telefon +673 2393301 sambungan 208; atau menghantar e-mel kepada pharmacy.enforcement@moh.gov.bn; atau berjumpa terus Pegawai Farmasi di Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kampung Madaras, Mukim Gadong 'A'; atau hubungi Talian Darussalam 123 agar tindakan sewajarnya dapat diambil bagi membanteras penjualan produk seperti ini di pasaran.

MTQBK Peringkat Saringan, 8 hingga 11 Mei

Siaran Akbar : Jabatan Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Januari. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan akan menganjurkan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan (MTQBK) 1445H / 2024M Peringkat Saringan pada 8 hingga 11 Mei 2024.

Penyertaan musabaqah terbuka kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap yang memegang Kad Pintar berwarna ungu serta tidak memegang pasport negara-negara asing dan hendaklah berumur di antara 15 hingga 30 tahun yang lahir di antara 1 Januari 1994 hingga 31 Disember 2009 serta tidak pernah menjadi johan pertandingan-pertandingan seperti Majlis Tilawah Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa anjuran Kerajaan Malaysia atau Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara anjuran KKBS.

MTQBK Peringkat Separuh Akhir akan diadakan pada 19 Mei 2024 dan Peringkat Akhir pada 6 Jun 2024.

Pendaftaran boleh diisi secara online ([Google Form](http://tiny.cc/mtqbk)) di <http://tiny.cc/mtqbk>. Tarikh tutup penyertaan ialah pada Khamis, 29 Februari 2024.

Bagi mendapatkan keterangan lanjut, sila hubungi urus setia musabaqah melalui talian +673 2381903/4/5 sambungan 1301/1304 atau +673 7160016 dan melalui e-mel belia.jbs@belia-sukan.gov.bn.

Siaran Akbar dan Foto : Tabung Amanah Pekerja

kepada pemberigaan manfaat-manfaat SPK untuk ahli-ahli yang bekerja sendiri (*self-employed*) dan Ahli SPK Gold (ahli yang berumur 60 tahun dan ke atas) di sekitar daerah tersebut. SPK merupakan skim persaraan yang inklusif yang turut dilaratkan kepada ahli dalam sektor tidak formal dan yang berumur lebih dari 60 tahun.

Turut hadir pada program tersebut ialah ketua-ketua kampung di sekitar Daerah Tutong bagi membantu menyalurkan maklumat dan pengetahuan mengenai dengan SPK kepada anak-anak buah mukim dan kampung masing-

masing yang bekerja di dalam sektor tidak formal ataupun bekerja sendiri.

Pengunjung-pengunjung yang hadir semasa program tersebut dibolehkan untuk membuat pengemaskinian maklumat peribadi, menghadapkan permohonan pengeluaran, mendapatkan anggaran pendapatan persaraan dan juga pendaftaran pentadbir penamaan SPK melalui perkhidmatan dalam talian TAP, e-Amanah. Program Menyusur Kampung ini dirancang untuk turut dilaratkan ke daerah-daerah yang lain di sepanjang tahun 2024.



ANTARA yang hadir pada program berkenaan.



PROGRAM Menyusur Kampung yang berlangsung di Dewan Serbaguna Kampung Bukit, Mukim Ukong.

TUTONG, Selasa, 30 Januari. - Dalam usaha berterusan Tabung Amanah Pekerja (TAP) dalam meningkatkan kefahaman orang ramai khususnya Ahli-

ahli TAP mengenai dengan manfaat-manfaat di bawah Skim Persaraan Kebangsaan (SPK), TAP telah pun mengadakan Program Menyusur Kampung

yang berlangsung di Dewan Serbaguna Kampung Bukit, Mukim Ukong, Tutong, baru-baru ini.

Program ini memfokuskan



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

- 1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.



- 2 Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

- 1 Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
- 2 Lengkapkan Kelulusan (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
- 3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap *Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan
- 4 Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
- 5 Lengkapkan Maklumat (kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)



KONGSI PENGETAHUAN, PENGALAMAN KERJAYA SEBAGAI PENDAKWA SYAR'IE

Siaran Akbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Januari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Pembangunan Kerjaya Dan Jaringan Industri (OCeAN) mengadakan Taklimat Kerjaya: Kerjaya Sebagai Pendakwa Syar'ie pada 27 Januari lalu.

Program tersebut merupakan

kolaborasi buat julung kalinya melibatkan OCeAN dan Bahagian Pendakwaan Syar'ie, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Seramai 58 peserta terdiri daripada alumni, mahasiswa dan mahasiswi UNISSA telah mengikuti taklimat yang diadakan di Bilik L1.3, UNISSA Gadong.



SERAMAI 58 peserta terdiri daripada alumni, mahasiswa dan mahasiswi UNISSA telah mengikuti taklimat berkenaan (atas). Manakala gambar kiri, taklimat disampaikan oleh Timbalan Pendakwa Syar'ie, Awang Nizam Sumurdani bin Haji Abd. Talib dan Pendakwa Syar'ie, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Ahmad.

Taklimat berkenaan dimulakan dengan taklimat pertama yang disampaikan oleh Timbalan Pendakwa Syar'ie, Awang Nizam Sumurdani bin Haji Abd. Talib yang mengongsikan pengalaman dan aktiviti Pendakwa Syar'ie.

Manakala bagi taklimat kedua pula disampaikan oleh Pendakwa Syar'ie, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Ahmad dengan menjelaskan mengenai peranan dan tanggungjawab serta ciri-ciri yang perlu ada untuk menjadi

seorang Pendakwa Syar'ie.

Sesi kedua diisikan dengan memberikan peluang kepada para peserta untuk mengajukan soalan selain mengadakan kuiz menguji kefahaman para peserta menerusi dalam talian.

Para peserta mengongsikan rasa puas hati dan respons yang positif dalam maklum balas yang diterima serta mencadangkan lebih banyak program dan aktiviti pembangunan kerjaya untuk dilaksanakan pada masa akan datang.

Antara tujuan taklimat itu ialah untuk menambah pengetahuan para peserta mengenai peranan dan tanggungjawab seorang Pendakwa Syar'ie, khususnya di Negara Brunei Darussalam.

Taklimat kerjaya dihasrat akan dapat memberikan manfaat dan faedah kepada para alumni dan mahasiswa mahasiswi UNISSA bagi memahami kepentingan dalam menegakkan undang-undang syariah di Negara Brunei Darussalam.

Timba pengetahuan asas mengenai halal



SERAMAI 220 pelajar mengikuti Program Celik Halal anjuran bersama Belia Imtiyaz Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (atas dan kanan).

Siaran Akbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Januari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT) dan badan pelajar Halalan Thayyiban Student Society (HTSS), baru-baru ini telah melaksanakan Program Celik Halal anjuran bersama Belia Imtiyaz Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Program tersebut diketuai oleh Penolong Pensyarah di PPHT, Dayang Raihana binti Mohd. Raffi serta mahasiswa dan mahasiswi PPHT sebagai fasilitator program.

Objektif utama program adalah untuk memberi pendidikan awal mengenai pengetahuan asas tentang halal dan haram terutama dalam aspek makanan.

Selain itu, sasaran utama program adalah para pelajar yang mengikuti kelas mengaji di Masjid



menggalakkan pertumbuhan pemikiran dan berfikir secara terbuka dalam mempelajari konsep yang baharu.

Secara umumnya, masyarakat mulai sedar tentang kepentingan halal dalam kehidupan sehari-hari mereka, namun kesedaran ini kebanyakannya tertumpu pada kategori barang tertentu seperti makanan, produk kesihatan, produk perbankan, pakaian dan sebagainya.

Selain itu, ia juga dapat merapatkan lagi hubungan universiti dengan masyarakat.



ANTARA pelajar yang menyertai program berkenaan.

PANTAU HAL EHWAL KEBAJIKAN PEKERJA

■ Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Buruh

KUALA BELAIT, Isnin, 29 Januari. - Bahagian Penguatuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh Cawangan Daerah Belait telah mengendalikan Operasi Siaga 13/2024 di dua kawasan pada 15 Januari 2024 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan pertama yang telah dijalankan di kawasan Jalan Mckerron, Kuala Belait telah mendapat sebanyak empat kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 dilakukan oleh majikan iaitu Bab 63 Gagal memberikan cuti rehat, Bab 64 Gagal memberikan hari rehat,

Bab 70 Gagal memberikan cuti pada hari kelepasan awam yang diwartakan dan Bab 71 Gagal memberikan cuti tahunan.

Pemeriksaan kedua yang telah dijalankan di kawasan Jalan Pretty, Kuala Belait telah mendapat satu kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 dilakukan oleh majikan, iaitu Bab 82 Gagal menyediakan kelengkapan pertolongan cemas.

Bagi kesalahan tersebut, jika didapati, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan

ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan, 2009 seperti penyediaan kontrak pekerjaan dan pembayaran gaji tepat pada waktunya.

Para majikan adalah dinasihatkan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerjaan 2009.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



BAHAGIAN Penguatuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh telah mengendalikan Operasi Siaga 13 / 2024.



Didenda akibat miliki barang tegahan

■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Januari. - Akibat memiliki barang tegahan, seorang lelaki penduduk tetap dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND52,800 atau 15 bulan pemerjaraan jika gagal membayar denda atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Majistret Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid menjatuhkan hukuman tersebut ke atas Muhammad Dzulfadhl bin Abdullah@Eddy anak Ugeng di Mahkamah Majistret, hari ini.

Defendant mengaku bersalah dan didakwa memiliki barang-barang tegahan iaitu rokok sebanyak 67 karton, 40 paket dan 32 batang pelbagai jenis disimpan di dalam gerai jualan tanpa permit dan kebenaran yang sah.

Defendant yang berumur 42 tahun ditangkap oleh Bahagian Penguatuasaan Undang-undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di sebuah Gerai Jualan Kawasan Kampung Mata-Mata pada 16 Jun 2022 pada pukul 3.05 petang. Kesemua barang tegahan yang terlibat iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan kepada pihak kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.



Syarikat dikompaun BND1,000

ANTARA kesalahan yang didapati oleh Unit Penguatuasaan, Jabatan Daerah Tutong semasa melaksanakan rondaan berkenaan (kiri dan bawah kiri).



TUTONG, Isnin, 29 Januari. - Hasil Ops Rondaan Unit Penguatuasaan, Jabatan Daerah Tutong pada hari ini telah mengeluarkan kompaun terhadap sebuah syarikat kerana didapati melanggar Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian 2021, disebabkan oleh membuang bekas bahan binaan dan sampah domestik di kawasan lapang tapak projek.

Syarikat Civil Line Sdn. Bhd. yang beralamat di Lot : 5145 Kampung Sengkarai telah dikenakan denda kompaun sebanyak BND1,000 di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian 2021 dan dikehendaki untuk menjelaskan kompaun dalam tempoh tujuh hari.

Jika gagal membayar denda tersebut dalam masa tujuh hari dari tarikh kompaun dikeluarkan maka syarikat tersebut boleh dihadapkan ke mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000 dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Unit Penguatuasaan, Jabatan Daerah Tutong ingin mengingatkan orang ramai, pihak syarikat dan pemilik premis-premis perniagaan agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar, khususnya di kawasan premis-premis perniagaan, tapak projek dan juga kawasan awam dengan tidak membuang, melongokkan atau meninggalkan apa jua jenis sampah sarap di tempat awam.

Elak jadi mangsa penipuan dalam talian

■ Siaran Akbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memaklumkan dan memberi amaran kepada orang ramai tentang penipuan *phishing* dalam talian yang sedang berleluasa dan memancing individu yang mudah percaya untuk mendapatkan maklumat peribadi dengan menarik mereka dengan tawaran atau *lucky draw* yang tidak diketahui.

Untuk penipuan khusus ini, PPDB ingin menekankan bahawa kerajaan tidak akan menawarkan sebarang bantuan kepada orang ramai melalui media sosial.

PPDB ingin mengingatkan dan menasihatkan kepada orang awam agar tidak menjadi mangsa kepada penipuan *phishing* website dengan mengambil langkah berjaga-jaga untuk tidak mendedahkan sebarang maklumat perbankan seperti nombor telefon bimbit Kad ATM, pin, kata laluan dan sebagainya kepada mana-mana pihak yang tidak dikenali atau bukan atas permintaan awda.

Elakkan membuka sebarang pautan yang mencurigakan di dalam mana-mana aplikasi sosial media dan membuat pemeriksaan serta kepastian daripada jabatan-jabatan atau agensi-agensi yang relevan / berkenaan mengenai tawaran-tawaran yang diiklankan.

PPDB menyeru kepada orang ramai agar tidak mengendahkan mana-mana tawaran atau bantuan seperti tawarannya dan mengingatkan ahli-ahli keluarga serta rakan-rakan untuk menghindarinya.

Pihak PPDB juga ingin menyarankan kepada orang ramai agar dapat bekerjasama dan memberikan apa jua jenis maklumat dengan mengongsikan ke Talian Kecemasan 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan serta boleh disalurkan melalui e-mel, laman sesawang PPDB www.polis.gov.bn ataupun Instagram @upa.ppdb.

OPERASI KABAT KESAN PELBAGAI KESALAHAN

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERIBEGAWAN, Selasa, 30 Januari. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) telah melaksanakan dua operasi penguat kuasa undang-undang di bawah Operasi Kabat JIPK 2024 di mana menyasarkan di beberapa

buah lokasi di Negara Brunei Darussalam.

Operasi Kabat 13 / 2024 pada empat lokasi telah pun dilaksanakan oleh Bahagian Pengkuatkuasa Undang-undang, Bandar Seri Begawan. Manakala Operasi Kabat



DUA operasi penguat kuasa undang-undang di bawah Operasi Kabat JIPK 2024 di mana menyasarkan di beberapa buah lokasi di Negara Brunei Darussalam (atas dan bawah).



14 / 2024 yang menyasarkan kepada sebuah kedai runcit pula dijalankan oleh Pengkuatkuasa Undang-undang, Cawangan Kuala Belait.

Operasi Kabat 13 / 2024 pada sasaran lokasi pertama menyasarkan di sebuah rumah sewa di Mukim Berakas 'B'. Hasil operasi tersebut telah menahan empat warga asing dan di bawa ke Bahagian Pengkuatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut di mana dua warga asing gagal mengemukakan dokumen asal; manakala seorang dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresennya mansuh.

Sementara itu, sasaran di lokasi kedua iaitu di sebuah rumah di Mukim Berakas 'A'. Hasil pemeriksaan mendapat lima warga asing ditahan dan dibawa ke Bahagian Pengkuatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut.

Seramai dua warga asing gagal mengemukakan dokumen asal, seorang dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresennya mansuh.

Bagi operasi sasaran lokasi di Mukim Sengkurong telah memeriksa 11 warga asing. Tujuh orang daripadanya telah pun ditahan dan dibawa ke Bahagian Pengkuatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut kerana gagal mengemukakan dokumen asal.

Seterusnya, Operasi Kabat 14 / 2024 pula menyasarkan di sebuah kedai runcit di Mukim Liang. Hasil pemeriksaan dijalankan ke atas tujuh warga asing dan seorang daripadanya ditahan dan dibawa ke Bahagian Pengkuatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut, di mana individu tersebut dipercayai melakukan kesalahan Bab 55 (a)(b) (c) Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu gagal mengemukakan sebarang dokumen perjalanan yang sah dan Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja dengan majikan lain.


JIPK mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen dengan menghubungi ke talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun

PenggunaBijak



جاین فرانچائیز ایکونومی دان سستائیتیک
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHWAL PENGGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI



Bantu kesan Nurmawati

Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan seorang pekerja wanita warganegara Indonesia yang dilaporkan lari daripada majikan iaitu Nurmawati, 45 tahun dengan nombor pasport, C4054549.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Balai Polis Muara menerusi talian +673 2770140 atau Talian Kecemasan Polis, 993 atau terus melaporkan ke balai-balai polis yang berdekatan.



NURMAWATI, 45 tahun dipercayai lari daripada majikan.

Penutupan sementara Galeri 1: Kebestarian Raja

Siaran Akhbar : Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Januari. - Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Galeri 1 : Kebestarian Raja akan ditutup sementara bermula pada 1 Februari 2024 sehingga tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Penutupan tersebut disebabkan oleh kerja-kerja pengemaskinian poster yang akan dilakukan di dalam galeri pameran tersebut.

Pihak Pengurusan BKISHHB ingin memohon maaf atas sebarang kesulitan yang dihadapi disebabkan penutupan sementara tersebut.

Galeri tersebut akan dibuka kembali apabila kerja-kerja pembinaan selesai, manakala galeri-galeri yang lain: Galeri 2 : Mushaf, Galeri 3 : Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Galeri 4 : Athar Sahabat, Galeri 5 : Warisan Ilmu 1, Galeri 6 : Warisan Ilmu 2, Galeri 7 : Tanda-Tanda Kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala, Galeri 8 : Astronomi dan Galeri 9 : Keseniaan Islam, Tongkat dan Tasbihdi BKISHHB beroperasi seperti biasa untuk kunjungan pelawat.

Bersama meningkatkan bekalan darah

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Januari. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan, akan mengadakan Kempen-kempen Derma Darah di beberapa buah tempat di negara ini.

Sehubungan dengan itu, Kempen Derma Darah akan diadakan di Pusat Promosi Kesihatan, Jalan Menteri Besar, pada Rabu, 31 Januari 2024 bermula 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 3.30 petang.

Kempen tersebut turut diadakan di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Cawangan Sengkurong, pada Sabtu, 3 Februari 2024 bermula 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Sementara itu, Tabung Darah Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah turut mengadakan Kempen Derma Darah di Tempat Pengambilan Darah hospital berkenaan pada Selasa, 30 Januari 2024 bermula 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 1.30 petang hingga 3.30 petang.

Orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen-kempen tersebut dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu mengekalkan bekalan stok darah di negara ini.

Orang ramai yang ingin menderma darah juga boleh berkunjung terus ke Pusat Pendermaan Darah atau Tabung-tabung Darah berdekatan, bermula jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 3.30 petang pada hari-hari bekerja sahaja.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah tersebut adalah sangat digalakkan.

TARIKH & MASA	TEMPAT
Rabu 31 Januari 2024 9.00 pagi hingga 11.30 pagi & 1.30 petang hingga 3.30 petang	Pusat Promosi Kesihatan, Jalan Menteri Besar
Sabtu 3 Februari 2024 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari	Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sengkurong
TARIKH & MASA PENDAFTARAN	TEMPAT
Selasa 30 Januari 2024 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari & 1.30 petang hingga 3.30 petang	Tempat Pengambilan Darah Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong



Beri khidmat pendidikan secara infak

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Ihsan Faithqalam Enrichment Centre

TERINSPIRASI daripada insan bergelar 'guru' yang mendidik secara dedikasi dan penuh kasih sayang serta ikhlas dalam menyampaikan ilmu telah membakar semangat seorang pendidik lepasan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) untuk menubuhkan sebuah pusat yang memfokuskan kepada keusahawanan guru, Faithqalam Enrichment Centre. Memiliki orang tua yang juga merupakan bekas guru, semangat Awang Haji Aminurhazim bin Haji Osman itu semakin meningkat disebabkan hasrat *indung* / ibu bapa pelajar-pelajar yang berkeinginan anak-anak mereka diajar membaca Al-Quran di rumah masing-masing.

Oleh itu demi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu 'persiap generasi penerus dengan ilmu Al-Quran', Awang Haji Aminurhazim yang sememangnya terlibat dalam dunia pendidikan, telah menubuhkan sebuah pusat pengajian berfokuskan kepada kelas mengaji secara berfasa.

Pada fasa pertama, beliau telah menubuhkan pusat pengajian / tuisyen dikenali sebagai Malaq Tuition (2016 - 2019) yang memberikan perkhidmatan kelas mengaji, subjek ugama dan akademik di pusat.

Pada fasa kedua pula, pusat beliau memberikan perkhidmatan secara rumah ke rumah dan tempat persendirian, iaitu Malaq Homeschooling (2019 - 2021). Perkhidmatan yang diberikan adalah kelas mengaji dan subjek ugama di pusat, rumah ke rumah dan secara online.

Sementara pada fasa ketiga pula tertubuhnya Faithqalam Enrichment Centre pada tahun 2021 hingga sekarang iaitu

pusat pengayaan yang berfokuskan kepada kelas-kelas mengaji dan subjek ugama serta menyediakan kemudahan bagi keusahawanan guru. Fasa ini terus meningkatkan pemberian perkhidmatan dengan mengadakan kelas tuisyen bagi pelajar-pelajar yang bakal menduduki Peperiksaan Sijil Sekolah-sekolah Rendah Ugama (SSRU) di pusat, rumah ke rumah dan secara online.

Sejarah penubuhan

Menyentuh sejarah penubuhan pusat ini, Awang Haji Aminurhazim menjelaskan beliau pada mulanya memberikan khidmat mengajar dari rumah ke rumah sejak tahun 2011 hingga tahun 2016 ketika masih berkhidmat sebagai Guru Ugama Terlatih dengan sektor kerajaan. Namun pada tahun 2016, beliau mengambil keputusan untuk menamatkan perkhidmatan dan mula menubuhkan kelas sendiri iaitu Malaq Tuition dan mengembangkan perkhidmatannya dengan menubuhkan Faithqalam Enrichment Centre yang memberi peluang kepada pengajar tempatan (*teacherpreneur*) untuk membuka kelas tuisyen berkonsepkan infak.

Tujuan penubuhan

Bertempat di Airport Mall, Faithqalam Enrichment Centre antara lain ditubuhkan dengan tujuan untuk memberikan kelas pengajian yang inovatif serta memberikan peluang kepada anak-anak tempatan untuk mendidik. Selain untuk mewujudkan pusat pengajian secara infak bertaraf antarabangsa, pusat ini juga bertujuan untuk melahirkan anak-anak dari pelbagai latar belakang agar suka belajar mengaji dan membaca Al-Quran, serta mewujudkan sifat qanaah, sabar, syukur dan ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala. Ketika ini pusat berkenaan

mempunyai seramai dua tenaga pengajar, dua pembantu guru, dua kerani, seorang petugas pentadbiran, seorang guru jemputan dan beberapa tenaga pengajar tambahan.

Sokongan keluarga

Mengimbas pada awal penubuhannya, Awang Haji Aminurhazim menjelaskan beliau memanglah agak sukar untuk keluarga memberikan kebenaran, terutama sekali ketika dia mengambil keputusan untuk berhenti berkhidmat sebagai Guru Ugama Terlatih. Namun ujarnya, atas izin Allah Subhanahu Wata'ala, segala urusan telah dipermudahkan untuknya mewujudkan kelas yang ingin diusahakannya dan dari semasa ke semasa keluarganya pun semakin terbuka hati untuk menerima tindakan yang diambilnya itu.

Cabar, cara mengatasinya

Sepanjang mengusahakan pusat ini, beliau tidak menafikan akan timbulnya pelbagai cabaran yang dihadapi seperti kurang sokongan dan kepercayaan dari pihak-pihak tertentu. Hal tersebut dapat menjelaskan kelancaran untuk mewujudkan kelas tersebut. Tambahan juga kritikan yang pernah diterima ialah konsep infak yang digunakan dapat menyebabkan kerugian terhadap dirinya sendiri. Bagi mengatasinya, Awang Haji Aminurhazim membuat perancangan dengan lebih teratur dan bersistematis di samping mengawal emosi secara mental dan fizikal untuk lebih kuat menjalankan kelas-kelas berkenaan. Dari sisi lain juga, beliau berbincang dengan beberapa pihak tertentu untuk meminta nasihat dan tunjuk ajar. Apa yang lebih penting ujarnya lagi ialah yakin dan percaya dengan janji

Allah.

Kemudahan

Faithqalam Enrichment Centre mempunyai empat buah kelas, satu bilik guru, satu bilik pengetua, bilik rehat / dapur, ruang pendaftaran, ruang sedekah@taman jariah Faithqalam, kiub / kotak infak dan wall of infaq. Selain itu pusat ini juga menyediakan beberapa peralatan belajar dan mengajar seperti alat tulis, alat mengajar dan buku-buku serta beberapa peralatan mengajar, sumber mengajar, alat bantu mengajar dan bahan bantu mengajar. Kebanyakan daripada kemudahan yang disediakan adalah hasil daripada infak / wakaf daripada beberapa individu dan syarikat.

Dengan menggunakan konsep infak, Faithqalam Enrichment Centre sememangnya mendapat sambutan dan sokongan yang sangat menggalakkan daripada ibu bapa dan masyarakat. Melihat pada sambutan yang diberikan itu, Awang Haji Aminurhazim berhasrat untuk menyediakan sistem pentadbiran yang lebih berdaya tahan (*sustainable*) dan berkualiti untuk menaiktarafkan pendidikan ugama di negara ini berteraskan dengan ajaran Islam. Beliau juga berharap agar terus konsisten / istiqamah dalam mewujudkan tempat pengajian dengan niat yang betul di mana sokongan dan doa daripada masyarakat dan sekeliling adalah menjadi pendorong serta semangat untuk meneruskannya.

Awang Haji Aminurhazim yang kini meneruskan pengajian Sarjana Perguruan Ugama (Kajian Ahli Sunnah Wal Jamaah) di KUPU SB merancang untuk mengembangkan cawangan ke luar daerah dan berkembang ke negeri jiran dan antarabangsa.

PERKHIDMATAN



Kelas Fizikal

Kelas diadakan secara fizikal dan berkumpulan (mengikut perbincangan dengan guru).



Kelas Online

Kelas diadakan secara dalam talian melalui aplikasi Zoom, Google Meet atau Telegram mengikut keselesaan pelajar.



Home to Home

Kelas - Guru datang ke rumah pelajar mengikut jadual yang dibincangkan dengan pihak ibu bapa.



Pesta Pengguna beri laluan PKS promosi produk tempatan

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Jabatan Penerangan

DASAR Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk terus meningkatkan aktiviti perekonomian di negara ini, termasuk melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperbaiki lagi iklim pelaburan dan perniagaan serta usaha menarik lebih ramai Pelaburan Langsung Asing ke negara ini dengan melaksanakan pelbagai inisiatif melalui agensi-agensi tertentu dalam merangka perancangan, memantau pelaksanaan dan juga menawarkan khidmat nasihat serta bantuan dari semasa ke semasa.

Ini juga membolehkan supaya lebih ramai rakyat dan penduduk di negara ini berkecimpung dalam bidang keusahawanan agar ekonomi negara terus berkembang. Ke arah tujuan itu, Pesta Pengguna (Consumer Fair - CF) merupakan salah satu wadah atau platform dalam mempromosikan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan bagi mempamerkan rangkaian produk dan perkhidmatan secara terus kepada para pengguna. Menerusi CF yang

diadakan, ia dapat membantu merangsang aktiviti perekonomian dalam negara khasnya melalui promosi produk tempatan dan aktiviti-aktiviti pelancongan sekali gus menarik para pengguna berbelanja di dalam negara sekali gus membantu meningkatkan perekonomian negara ini.

CF juga antara yang dinanti-nantikan pada setiap tahun di penghujung bulan Januari, kerana ia menawarkan pelbagai pilihan produk beraneka barang, perkhidmatan dan makanan termasuk aktiviti menarik kepada orang ramai. Sejak pertama kali dianjurkan pada tahun 2008, CF sentiasa menyasarkan dengan menyediakan platform mempromosikan PKS tempatan bagi mempamerkan rangkaian produk dan perkhidmatan mereka secara terus kepada para pengguna. Sejak ia dilancarkan, ia terus berkembang mantap dengan peningkatan bilangan peserta dan pengunjung setiap tahun.

CF28

CF28 yang diadakan selama lima hari bermula 24 Januari hingga 28 Januari lalu menerima sambutan yang menggalakkan apabila lebih 100 ribu pengunjung mengunjungi CF28 yang dianjurkan oleh

D'Sunlit Sendirian Berhad bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, di sini. Bertemakan New Year, New Me menetapkan nada bagi perjalanan yang memberikan inspirasi dan motivasi, menggalakkan individu memulakan tahun baharu dengan tenaga dan azam yang baharu.

Vendor-vendor CF28

CF28 menerima lebih 500 vendor dari dalam dan luar negara menyertainya. Antara vendor tempatan yang menyertai CF28 ialah Aewon Garment dan Embroidery Sdn. Bhd., Oregon System, NBT (B) Sdn. Bhd., Cuckoo, Dart Logistic, Izzy Does It, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Kristal FM dan IBIC Sdn. Bhd. dan PKS. Manakala vendor dari negara luar yang sering menyertai CF terdiri dari Negara Malaysia, Republik Singapura, Republik Rakyat China dan Republik Indonesia yang turut memamerkan pelbagai jenis produk dan perkhidmatan yang berkualiti kepada para pengunjung.

Dengan penyertaan dari luar negara maka lebih ramai lagi PKS di negara ini mengambil peluang dalam membina rangkaian perniagaan di peringkat serantau dan antarabangsa dalam mempromosikan produk

dan perkhidmatan mereka.

Aktiviti sampingan

CF28 turut dimeriahkan dengan aktiviti menarik yang dianjurkan oleh rakan-rakan kongsi acara dan sekali lagi, Keluarga CF termasuk Babah, Babu, Boboi dan Alai telah membuat penampilan pada acara berkenaan yang menawarkan promosi serta pelbagai aktiviti buat para pengunjung.

Selain itu, jawatankuasa pengajur siri CF juga telah menyediakan pelbagai aktiviti cabutan bertuah CF yang sentiasa dinantikan oleh para pengunjung dengan membuat pembelian daripada para pengusaha sepanjang pesta tersebut berlangsung. Bukan itu sahaja, seorang pengunjung bertuah juga berpeluang memenangi hadiah cabutan bertuah utama iaitu sebuah kereta Toyota Raize ditaja oleh Toyota Brunei - NBT Brunei. Selain itu para pengunjung juga berpeluang bagi menyertai beberapa program yang dianjurkan oleh rakan kongsi acara dan vendor. Para pengunjung juga digalakkan untuk membawa beg kitar semula bagi semua keperluan membeli-belah sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk mengurangkan penggunaan beg-beg plastik dan produk sisa plastik di negara ini.



PEMERIKSAAN, PENELITIAN TERHADAP BEBERAPA STESEN MINYAK

Siaran Akbar dan Infografik : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Januari. - Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian bacaan ketepatan ke atas alat sukat jenis pam minyak di stesen-stesen minyak.

Langkah berkenaan adalah selaras dengan Akta SDT 1983 Penggal 151, di mana pemeriksaan bacaan ketepatan, sah dan berdaftar dengan Unit SDT adalah dikehendaki ke atas penggunaan alat sukat dan timbang bagi tujuan perdagangan.

Dengan mengambil kira keselamatan dan kesejahteraan orang ramai serta para tenaga kerja yang terlibat sepanjang kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian tersebut, stesen-stesen minyak akan ditutup bermula pukul 9.00 bagi sebelah pagi dan pukul 2.00 bagi sebelah petang hingga selesai, di mana anggaran pelaksanaannya adalah sekitar dua jam. Pemeriksaan dan penelitian ke atas stesen-stesen minyak ini adalah pemeriksaan rutin yang dikendalikan sebanyak tiga kali setahun.

Bersama ini dikongsikan keterangan jadual penutupan sementara stesen-stesen minyak bagi kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian bacaan ketepatan pada bulan Februari 2024 seperti tertera pada rajah yang disediakan.

Sehubungan itu, orang ramai yang ingin mengajukan sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Unit SDT, IBE melalui e-mel : sdt@mofe.gov.bn atau melalui talian +673 2334092.

BIL.	TARIKH & WAKTU PENGUJIAN	ALAMAT/TEMPAT PENGUJIAN	DAERAH
1	5hb Februari 2024 (Isnin) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Koperasi Perniagaan dan Perusahaan Melayu Berhad	Brunei Muara
2	6hb Februari 2024 (Selasa) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Ikatan Teluk Mewah	
3	7hb Februari 2024 (Rabu) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Masjory	
4	12hb Februari 2024 (Isnin) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Mabohai	
5	13hb Februari 2024 (Selasa) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Bebatik	
6	14hb Februari 2024 (Rabu) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak SEPAKAT	Belait
7	19hb Februari 2024 (Isnin) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Riverine	Brunei Muara
8	20hb Februari 2024 (Selasa) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Koperasi Persatuan Kampong Lubok Pulau (KOPEKLAP) Dengan Tanggungan Berhad	Tutong
9	27hb Februari 2024 (Selasa) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Telisai Sdn Bhd	
10	27hb Februari 2024 (Selasa) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Roxana	Belait




Kenali Bahasa Brunei

Lagau bermaksud panggil, jemput atau undang.
Contoh pemakaian kata : agatah lagau ia ka mari.

Langau bermaksud lalat besar berwarna hijau yang berdengung-dengung bunyinya dan suka hinggap pada benda-benda yang berbau dan kotor.
Contoh pemakaian kata : jangan dibiarkan mangkanan layah-layah, karang diinggapi langau.

Langis bermaksud

- 1 bersih tentang cucian, sapuan, dan lain-lain.
Contoh pemakaian kata : jangantah ia disuruh, inda pandai langis ia mambasuh cuik manguk.
- 2 tidak ada yang tinggal lagi tentang makanan, duit, dan lain-lain
Contoh pemakaian kata : langis kuih babu kana bali.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KKBS



Foto : Azmah Haji Ahad

Agar-Agar Sumi Kampung Sibut

BAHAN-BAHAN (1) UNTUK LAPISAN ATAS DAN BAWAH :
120gm gula putih
1 kotak Agar-Agar Sumi
1 liter susu segar

(Kesemua bahan (2) di atas hendaklah direbus dan kacau sampai mendidih. Setelah itu, barulah dimasukkan Agar-Agar Sumi yang telah dipotong kecil-kecil)

BAHAN-BAHAN (2) UNTUK LAPISAN TENGAH :
12gm serbuk agar-agar

yang disediakan untuk lapisan bawah keras barulah dimasukkan bahan (2) untuk lapisan tengah tadi iaitu agar-agar yang telah digaul sumi dituang sedikit demi sedikit sehingga habis.

Setelah lapisan tengah tersebut menjadi keras barulah dimasukkan sebahagian bahan (1) yang telah dibahagi dua tadi untuk menjadi lapisan bahagian atas dan biarkan sehingga kesemuanya keras dan masak.

CARA-CARA MEMBUATNYA :
Setelah sebahagian bahan (1) yang telah dituang ke dalam bekas

PERU KINI JADI RAKAN PEMBANGUNAN ASEAN

BUENOS AIRES, 30 Jan. - ASEAN memberikan Peru status Rakan Pembangunan pada mesyuarat menteri-menteri luar yang diadakan di Luang Prabang, Laos, menurut Kementerian Luar Peru pada Isnin.

Dengan status itu, Peru mengukuhkan kehadirannya

di rantau Asia Tenggara dan hubungan dengan badan serantau berkenaan mencapai tahap baharu. Pemberian status itu juga membuka peluang baharu untuk meningkatkan aliran perdagangan dan kerjasama dengan ASEAN, lapor Agensi Berita Vietnam (VNA).

Peru ialah negara keenam di dunia selepas Jerman, Perancis, Itali, Belanda dan Chile yang

diberikan status berkenaan. ASEAN dan Peru bersatu dalam perjanjian serantau seperti Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP), Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dan Perikatan Pasifik-ASEAN.

Perdagangan dua hala antara negara anggota ASEAN dan Peru menyumbang kira-kira 2.5 peratus - 3 peratus daripada

jumlah perolehan import-eksport. Peru menandatangani perjanjian perdagangan bebas (FTA) dengan Singapura pada 2009, Thailand pada 2011 dan kini sedang

berunding dengan Indonesia. - ©BERNAMA



Presiden Mexico bida cadangan Biden tutup sempadan

BANDARAYA MEXICO, 30 Jan. - Presiden Mexico Andres Manuel Lopez Obrador membidas cadangan Presiden Amerika Syarikat (AS) Joe Biden untuk menutup sempadan dengan Mexico jika diberi kuasa berbuat demikian.

"Ia sangat demagogic untuk menutup sempadan," kata Lopez Obrador pada sidang media yang disiarkan di televisyen pada Isnin, lapor Agensi Anadolu. Baru-baru ini, Biden dilaporkan berkata beliau akan menutup sempadan "sekarang

jika Kongres meluluskan perjanjian sempadan yang dicadangkan.

Biden berkata dalam permintaan belanjawan tambahan yang dikemukakan kepada Kongres akhir tahun lalu akan memberinya kuasa sebagai presiden untuk menutup sempadan sehingga ia dapat dikawal semula.

"Jika rang undang-undang itu adalah undang-undang hari ini, saya akan menutup sempadan sekarang dan membetulkannya secepat mungkin," katanya. Pada kempen

pemilihan semula 2024, Biden menerima kritikan daripada pesaingnya berhubung dasar imigresen ekoran peningkatan dramatik dalam penghijrahan di sempadan.

Senat AS masih belum menandatangani perjanjian baharu sempadan. Menjelang akhir Disember, lebih 10,000 pendatang dilaporkan melintasi sempadan AS-Mexico setiap hari yang mencetuskan perdebatan antara Demokrat dan Republikan mengenai kawalan sempadan. - ©BERNAMA

New Zealand haramkan bahan kimia PFAS dalam kosmetik

DUNEDIN (New Zealand), 30 Jan. - New Zealand mengharamkan penggunaan sekumpulan bahan kimia yang tidak terurai, yang dianggap mempunyai kesan negatif terhadap kesihatan manusia, lapor agensi berita (dpa) Jerman.

Pihak Berkusa Perlindungan Alam Sekitar pada Selasa berkata penggunaan bahan per-and polyfluoroalkyl (PFAS) akan diharamkan dalam produk kosmetik mulai 31 Dis 2026.

New Zealand merupakan antara negara pertama di dunia yang mengharamkan PFAS, menurut pihak berkusa.

PFAS kadangkala digunakan dalam produk seperti pengilat kuku, krim pencukur, bedak asas, gincu dan maskara. Bahan kimia itu ditambah untuk melicinkan kulit atau untuk menjadikan produk kosmetik lebih tahan lama, boleh diratakan serta kalis air.

Pengurus penilaian semula bahan berbahaya pihak berkusa Shaun Presow berkata penyelidikan antarabangsa menunjukkan bahawa PFAS hanya ditemukan dalam sebilangan kecil produk.

"Namun, kami mengambil pendekatan berjaga-jaga terhadap potensi risiko PFAS.

"Kami tahu bahan kimia ini tidak

mudah terurai, ia boleh terkumpul di dalam badan, dan sesetengahnya boleh menjadi toksik pada tahap tinggi," katanya.

Mengharamkan bahan kimia dalam kosmetik adalah sebahagian daripada tindakan berterusan negara, termasuk menamatkan penggunaan semua buih pemadam kebakaran PFAS serta menjalankan ujian ke atas tahap kepekatan PFAS dalam alam sekitar.

Bahan kimia sintetik digunakan secara meluas dalam produk pengguna dan proses perindustrian di seluruh dunia kerana sifatnya yang tahan air, gris, haba dan kekotoran. - ©BERNAMA

30 disyaki penculik terbunuuh dalam serangan udara tentera Nigeria

ABUJA, 30 Jan. - Sekurang-kurangnya 30 orang yang disyaki penculik terbunuuh dalam serangan udara tentera Nigeria pada hujung minggu di negeri Kaduna, lapor Xinhua memetik kenyataan pihak berkusa pada Isnin.

Operasi pada Sabtu itu dijalankan hasil laporan risikan

sebuah jet pejuang tentera yang melihat pergerakan konvoi 15 motosikal di kawasan Birnin Gwari di Kaduna, menurut jurucakap Tentera Udara Nigeria Edward Gabkwet dalam satu kenyataan.

Laporan risikan mendapat penjenayah itu

bertanggungjawab melakukan serangan hendap ke atas tentera di kawasan yang sama pada awal Sabtu, menurut Gabkwet.

"Mereka juga melakukan beberapa serangan dan penculikan ke atas orang awam di Birnin Gwari," katanya. - ©BERNAMA

Rantau ASEAN dilanda 28 bencana pada minggu keempat tahun 2024

JAKARTA, 30 Jan. - Rantau ASEAN dilanda 28 bencana, termasuk banjir, tanah runtuhan dan kejadian berkaitan angin pada minggu keempat tahun 2024.

Menurut Pusat Penyelaras Bantuan Kemanusiaan Pengurusan Bencana ASEAN (Pusat AHA), bencana itu telah menjelaskan Indonesia, Malaysia dan Thailand. Kemas kini mingguan Pusat AHA menunjukkan hujan monsun yang berterusan menyebabkan banjir di kebanyakan kawasan di selatan Asia Tenggara.

Badan Pengurusan Bencana Nasional Indonesia (BNPB) melaporkan, banjir dan isu berkaitan angin di 14 wilayah dengan Nusa Tenggara Timur, Sulawesi, Sumatera Barat, Jawa Tengah, Yogyakarta, Bangka Belitung, Kalimantan Utara, Sulawesi Tengah, Jawa Barat, Jawa Timur, Aceh, Riau, Sumatera Selatan dan Sumatera Utara antara yang paling terjejas teruk.

Sementara itu di Malaysia, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) melaporkan banjir melanda Terengganu, Kelantan, Pahang dan Johor. Di Thailand, Jabatan Pencegahan dan Pengurangan Bencana melaporkan kesan banjir di wilayah Narathiwat di wilayah selatan telah menjelaskan sehingga 755 keluarga.

Selain itu, agensi meteorologi Indonesia merekodkan empat gempa bumi melebihi 5.0 pada skala Richter. Agensi gunung berapi Indonesia pula melaporkan tiga aktiviti gunung berapi manakala di Filipina melaporkan empat aktiviti gunung berapi. - ©BERNAMA

Menteri Luar Iran akan lawat Pakistan dalam usaha pulih hubungan dua hala

MOSCOW, 29 Jan. - Menteri Luar Iran Hossein Amirabdollahian mengetuai delegasi diplomatik untuk lawatan rasmi ke Pakistan bagi membincangkan usaha memerangi keganasan dan hubungan dua hala dengan pegawai Pakistan, menurut kenyataan Kementerian Luar Iran pada Ahad, lapor Sputnik.

Semasa lawatan itu, Amirabdollahian akan mengadakan perbincangan dengan pihak berkusa Pakistan yang antara lain akan menumpukan kepada hubungan yang positif dan mesra antara kedua-dua negara.

Perbincangan itu bertujuan untuk meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang seperti perdagangan, industri, bidang saintifik, akademik, keselamatan dan tenaga.

Minggu lepas, Kementerian Luar Pakistan berkata diplomat tertinggi negara itu mempelawa Amirabdollahian melawat Islamabad dan menteri luar Iran menerima undangan berkenaan.

Kedua-dua pihak juga akan membincangkan usaha memerangi keganasan di sepanjang sempadan bersama selain usaha mewujudkan keamanan dan keselamatan.

Pada 16 Jan, Kor Pengawal Revolusi Iran melancarkan peluru berpandu balistik dan dron di wilayah Balochistan di barat daya Pakistan dengan mendakwa sasaran mereka adalah pangkalan kumpulan bersenjata Jaish al-Adl.

Pakistan kemudian melancarkan serangan terhadap "tempat persembunyian penganas" di Sistan dan Baluchestan di Iran.

Dalam satu kenyataan, Kementerian Luar Pakistan berkata Pakistan menghormati kedaulatan Iran dan integriti wilayah masing-masing.

Serangan itu dilancarkan semata-mata untuk mempertahankan keselamatan dan kepentingan Pakistan.

Pada 26 Jan, duta Iran dan Pakistan kembali menjalankan tugas di negara masing-masing selepas dipanggil pulang sebagai tindak balas terhadap serangan berkenaan. - ©BERNAMA

Permukiman Menteri-menteri Luar ASEAN bermula di Laos

VIENTIANE, 29 Jan. - Permukiman Menteri-menteri Luar ASEAN (AMM) membuka tirainya di bandar Luang Prabang, Laos, pada Isnin.

Menurut Agensi Berita Vietnam (VNA), para menteri akan meneliti keutamaan kumpulan itu untuk tahun ini di bawah tema "ASEAN : Enhancing Connectivity and Resilience" dan menyemak hasil yang diperoleh pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-33 dan lain-lain.

Selain itu, pemukiman berkenaan turut akan menyentuh isu-isu berkaitan pembinaan Komuniti ASEAN, hubungan luar negeri serta situasi serantau dan antarabangsa.

Sesi itu akan dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Luar Laos Saleumxay Kommasith.

Delegasi Malaysia akan diketuai oleh Menteri Luar Datuk Seri Mohamad Hasan. - ©BERNAMA



PELITA BRUNEI SUKAN

HARI SUKAN NIAT TANAMKAN SEMANGAT KESUKANAN, BUDAYA KERJASAMA



NETWORK Integrity Assurance Technologies (NiAT) Sdn. Bhd. menganjurkan Hari Sukan Korporatnya yang pertama yang menampilkan Kejohanan Bola Jaring dan Hari Sukan Utama yang diadakan di Kompleks Sukan Berakas.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Januari. - Network Integrity Assurance Technologies (NiAT) Sdn. Bhd., penyedia perkhidmatan komunikasi satelit terkemuka Brunei, memulakan Tahun Baharu dengan komitmen untuk memupuk gaya hidup sihat berorientasikan kecergasan dalam kalangan pekerjanya. Selaras dengan ikrar tersebut, NiAT menganjurkan Hari Sukan Korporatnya yang pertama yang menampilkan Kejohanan Bola Jaring dan Hari Sukan Utama.

Diadakan di Kompleks Sukan Berakas, Hari Sukan Utama menandakan berehat daripada tugas rutin harian namun begitu

pasukan yang terlibat tetap memperlihatkan semangat kesukanan, mempamerkan budaya kerjasama yang tertanam di tempat kerja.

Dibahagikan kepada empat pasukan dinamik, yang dihasilkan secara kreatif daripada akronim syarikat iaitu Pasukan Network, Pasukan Integrity, Pasukan Assurance dan Pasukan Technologies di mana pertandingan tersebut menjanjikan intensiti yang sama seperti zaman remaja yang menggembirakan.

Acara itu menampilkan pelbagai perlumbaan dan cabaran, termasuk

perlumbaan Olahraga, Tarik Tali yang mendebarkan dan aktiviti sukan lain yang menyeronokkan seperti Perlumbaan Guni dan Gelung Hula.

Sebelum acara utama, NiAT juga menganjurkan Kejohanan Bola Jaring di Kompleks Sukan Tertutup JKR pada 24 Januari 2024. Ini menjadi bahagian pertama Hari Sukan, menetapkan pentas untuk kemuncak yang besar.

Sebagai pemenang keseluruhan, Pasukan Technologies muncul dengan cemerlang dengan memperoleh 10 pingat emas, 2 pingat perak dan 2 pingat gangsa.

Siaran Akhbar dan Foto : Network Integrity Assurance Technologies

Acara turut meraikan persembahan luar biasa MVP Lelaki: Awang Raymond Two Soon Peng, dan MVP Wanita: Dayang Fariza Nayyira Yean binti Abdullah Chua iaitu individu yang benar-benar menjawai semangat kesukanan.

Acara diakhiri dengan jamuan makan tengah hari yang secara tidak langsung mengeratkan silaturahim dan memberi kenangan bermakna kepada para pekerja.

BATC 2024 : Skuad lelaki dan wanita negara raih laluan mudah ke suku akhir

KUALA LUMPUR, 30 Jan. - Skuad lelaki negara memperoleh laluan mudah ke suku akhir Kejohanan Badminton Berpasukan Asia (BATC) 2024 apabila diundi dalam Kumpulan B bertemu Taiwan, Kazakhstan dan Brunei.

Pada majlis undian disiarkan secara langsung di Facebook Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor menyaksikan pasukan lelaki negara yang merupakan juara bertahan bagi edisi 2022 "bernasib baik" apabila tidak diundi bersama juara tiga kali Indonesia (2020, 2018, 2016) di Kumpulan D bersama Korea Selatan dan Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Kumpulan A boleh dianggap sebagai kelompok "maut" apabila ditaris pasukan pilihan pertama China, juara Piala Thomas 2022, India dan Hong Kong, manakala Kumpulan C ditaris Jepun, Thailand, Singapura dan Myanmar.

Sementara itu, saingan wanita turut menyaksikan Malaysia bakal mengharungi cabaran mudah apabila diundi dalam Kumpulan Y bersama Thailand dan UAE, manakala juara bertahan Indonesia diundi dalam Kumpulan X bersama Hong Kong dan Kazakhstan.

Kumpulan W ditaris pasukan pilihan pertama China dan India manakala Jepun, Taiwan dan Singapura dalam Kumpulan Z.

Dua pasukan teratas setiap kumpulan akan mara ke suku akhir.

Persatuan Badminton Malaysia (BAM) mempertaruhkan barisan terkuat bagi mengharungi cabaran BATC 2024 dengan menyenaraikan jaguh perseorangan lelaki negara Lee Zii Jia, Ng Tze Yong, Justin Hoh, Eugene Ewe bagi kategori perseorangan.

Kem beregu lelaki pula ditaris juara dunia 2022 Aaron Chia-Soh Wooi Yik, Goh

Sze Fei-Nur Izzuddin Rumsani dan Choong Hon Jian-Muhammad Haikal Nazri.

Bagi skuad wanita pula terdiri daripada Goh Jin Wei, K. Letshanaa, Wong Ling Ching dan Siti Nurshuhaini Azman yang akan membawa cabaran dalam kategori perseorangan manakala pasangan Pearly Tan-M. Thinaah, Teoh Mei Xing-Go Pei Kee dan Low Yeen Yuan-Tan Zhing Yi bagi kategori beregu.

BAM meletakkan sasaran sekurang-kurangnya mara ke separuh akhir untuk skuad negara pada kejohanan yang dijadualkan berlangsung di Pusat Konvensyen Setia City, Shah Alam, bermula 13 hingga 18 Feb ini.

Dalam pada itu, Pengarah Kejurulatihan Akademi Badminton Malaysia (ABM) Rexy Mainaky optimis pasukan negara mampu mara ke suku akhir melihat kepada undian bagi pasukan negara untuk kempen

kejohanan berprestij itu.

"Berdasarkan undian itu, kami telah menyediakan atlet untuk mengharungi suku akhir, pasukan wanita juga berpeluang ke suku akhir, Malaysia adalah tuan rumah. Saya telah minta pemain memberi tumpuan dan sekali gus membanggakan peminat badminton dan negara. Pamer aksi juang yang terbaik."

"Diharap semua pemain dapat memberi tentangan, memandangkan kita tidak beraksi dengan baik pada Terbuka Malaysia. Semoga kali ini mereka akan membawa kegembiraan, kami telah menyediakan pemain dengan baik," katanya selepas majlis undian tersebut.

BATC merupakan pentas kelayakan ke saingan Piala Thomas dan Uber 2024 selain menawarkan mata ranking bagi kelayakan ke Sukan Olimpik Paris 2024. - ©BERNAMA